



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen

2025

Zon Utara

P. 071 Gopeng

Laporan Disediakan Oleh: Lydia Ann Bill



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.071 Gopeng

Disediakan oleh:
Lydia Ann Bill

| | |
|-----------------------|-----------|
| KATA ALUAN | II |
| KATA PENGANTAR | IV |
| PENGENALAN | VI |

BAHAGIAN A

| | |
|-------------------------------------|---------------|
| LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU | 1 – 13 |
|-------------------------------------|---------------|

BAHAGIAN B

| | | |
|------------|---|----------------|
| 1.0 | PENGENALAN | 17- 23 |
| | 1.1 Geografi/Topografi | 17 |
| | 1.2 Komposisi Penduduk | 18 |
| | 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama | 20 |
| | 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan | 22 |
| 2.0 | METODOLOGI PENYELIDIKAN | 24 – 28 |
| | 2.1 Pendekatan Kajian | 24 |
| | 2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan | 27 |
| | 2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan | 27 |
| | 2.4 Keterbatasan Kajian | 28 |
| 3.0 | RANGKUMAN ISU RENTAS SDG | 29 – 34 |
| 4.0 | GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU | 35 – 70 |
| | 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu | 35 |
| | 4.2 Pengutamaan Isu | 67 |
| 5.0 | PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK | 71 – 75 |
| | PENYELESAIAN | |
| 6.0 | RUJUKAN | 75 |



P.071 GOPENG

KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya

mengenal pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Padang Besar

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

| JILID | ZON/WILAYAH | JUMLAH KAWASAN PARLIMEN | PENYELIDIK |
|--------------------|------------------|-------------------------|------------|
| Jilid 1 | Zon Utara | 9 | 5 |
| Jilid 2 | Zon Pantai Timur | 4 | 2 |
| Jilid 3 | Zon Tengah | 3 | 3 |
| Jilid 4 | Zon Selatan | 6 | 4 |
| Jilid 5 | Wilayah Sabah | 4 | 2 |
| Jilid 6 | Wilayah Sarawak | 2 | 2 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 28 | |

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.


PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejituan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

Pemetaan Isu di Zon Utara

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran

struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

| BIL. | ZON/ WILAYAH | PARLIMEN | KOD | AHLI PARLIMEN | PARTI | AGENSI-AGENSI BERKAITAN | KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG |
|------|-----------------|------------------------|------|--|------------|---|----------------------------------|
| 1 | Tengah | Sabak Bernam | P092 | YB Tuan Kalam bin Salan | PN-BERSATU | Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam | Nur Syadhira Mohd Razali |
| 2 | Tengah | Hulu Selangor | P094 | YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun | PN-PAS | PDT Hulu Selangor | Nuha Mysara Mohd Hisam |
| 3 | Tengah | Seputeh | P121 | YB Puan Teresa Kok Suh Sim | PH-DAP | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | Nurul Syaza Mazelan |
| 4 | Utara | Padang Terap | P007 | YB Tuan Nurul Amin bin Hamid | PN-PAS | PDT Padang Terap | Nurul Syaza Mazelan |
| 5 | Utara | Kuala Kedah | P010 | YB Dr. Ahmad Fakhrudin | PN-PAS | PDT Kota Setar | Dr Thanaraj Murudi |
| 6 | Utara | Balik Pulau | P053 | YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik | PH-PKR | PDT Barat Daya | Siti Noraiysah Rohim |
| 7 | Utara | Larut | P059 | YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin | PN-BERSATU | PDT Selama | Dr Thanaraj Murudi |
| 8 | Utara | Kulim-Bandar Baharu | P018 | YB Tuan Roslan bin Hashim | PN-BERSATU | PDT Kulim & PDT Bandar Baharu | Dr Thanaraj Murudi |
| 9 | Utara | Padang Rengas | P060 | YB Kapten Azahari bin Hasan | PN-BERSATU | PDT Kuala Kangsar | Dr Teo Lee Ken |
| 10 | Utara | Gopeng | P064 | YB Tuan Tan Kar Hing | PH-PKR | PDT Kampar & PDT Kinta | Lydia Ann Anak Bill |

| BIL. | ZON/ WILAYAH | PARLIMEN | KOD | AHLI PARLIMEN | PARTI | AGENSI-AGENSI BERKAITAN | KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG |
|------|-----------------|-------------|------|--|-------------|--|----------------------------------|
| 11 | Utara | Lumut | P073 | YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail | PN-BERSATU | PDT Manjung | Dr Thanaraj Murudi |
| 12 | Utara | Teluk Intan | P076 | YB Tuan Nga Kor Ming | PH-DAP | PDT Hilir Perak | Nurul Syaza Mazelan |
| 13 | Selatan | Jempol | P126 | Dato' Haji Shamshulkahar Bin Haji Mohd Deli | BN-UMNO | PDT Jempol | Tariq Ziad bin Abdul Razak |
| 14 | Selatan | Jasin | P139 | YB Tuan Zulkifli bin Ismail | PN-PAS | PDT Jasin | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| 15 | Selatan | Segamat | P140 | YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj | PH-PKR | PDT Segamat | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| 16 | Selatan | Sri Gading | P149 | YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan | PH-AMANAHAH | PDT Batu Pahat | Dr Teo Lee Ken |
| 17 | Selatan | Batu Pahat | P150 | YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar | PH-PKR | PDT Batu Pahat | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| 18 | Selatan | Pulai | P161 | YB Tuan Suhaizan bin Kaiat | PH-AMANAHAH | Pejabat Daerah Johor Bahru | Siti Noraiysah Rohim |
| 19 | Timur | Maran | P089 | YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib | PN-PAS | PDT Maran | Siti Noraiysah Rohim |
| 20 | Timur | Kota Bharu | P020 | YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan | PN-PAS | Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| 21 | Timur | Pasir Puteh | P023 | YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh | PN-PAS | PTJ Pasir Puteh | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |

| BIL. | ZON/ WILAYAH | PARLIMEN | KOD | AHLI PARLIMEN | PARTI | AGENSI-AGENSI BERKAITAN | KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG |
|------|-----------------|------------|------|---|---------|--|----------------------------------|
| 22 | Timur | Besut | P033 | YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh | PN-PAS | PDT Besut | Siti Noraiysah Rohim |
| 23 | Sabah | Tuaran | P170 | YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau | PH-UPKO | Pejabat Daerah Tuaran | Mc Jeanet Lempisik @ Marx |
| 24 | Sabah | Putatan | P173 | YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya | BN-UMNO | Pejabat Daerah Putatan | Mc Jeanet Lempisik @ Marx |
| 25 | Sabah | Semporna | P189 | YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal | WARISAN | Pejabat Daerah Semporna | Puan Fatimah Binti Mohd Yasin |
| 26 | Sabah | Labuan | P166 | Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman | BEBAS | Perbadanan Labuan (Labuan Corporation) | Puan Fatimah Binti Mohd Yasin |
| 27 | Sarawak | Stampin | P196 | YB Tuan Chong Chieng Jen | PH-DAP | Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS) | Raine Melissa Riman |
| 28 | Sarawak | Lubok Antu | P203 | YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi | GPS-PRS | Pejabat Daerah Lubok Antu | Raine Melissa Riman |

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.071 Gopeng

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN GOPENG, YB TUAN TAN KAR HING



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

18 Jan - 20 Jan 2025
(Sabtu - Isnin)

HARI 1

1. Lawatan Tapak 2: 5 Hotspot Pembuangan Sampah Haram
2. FGD 1: Pekebun Limau Bali Tambun (Dun Simpang Pulai)
3. FGD 2: Ibu Tunggal & PAWE Gopeng (Dun Simpang Pulai)
4. FGD 3: Peniaga-Peniaga Kecil (Dun Simpang Pulai)

HARI 3

9. FGD 8: Komuniti Orang Asli suku etnik Temiar & Semai (Dun Teja)
10. FGD 9: Komuniti Orang Asli suku etnik Semai di Kampung Groh (Dun Teja)

HARI 2

5. FGD 4: NGO, KRT dan Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak (Dun Sungai Rapat)
6. FGD 5: Komuniti Ibu Tunggal (Dun Sungai Rapat)
7. FGD 6: Komuniti Peniaga-peniaga Kecil, Penternak & Pekebun (Dun Sungai Rapat)
8. FGD 7: Komuniti Belia (Dun Sungai Rapat)
11. Lawatan tapak 3: Homestay dan kawasan eko-pelancongan (Dun Teja)
12. FGD 10: Komuniti Eko-pelancongan (Dun Teja)

PASUKAN PENYELIDIK




LYDIA ANN BILL
(Ketua Penyelidik)



ANTHONY TAN



DR. THANARAJ MURUDI




**NIK ATHIRAH
ABDUL GHANI**

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA: 18-20 JAN 2025 (SABTU – ISNIN)



01

12 Disember 2024
Mesyuarat Awalan



02

23 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan



03

3 Januari 2025
Mesyuarat Awalan (Daerah kinta)



06

18 Januari 2025
Lawatan Tapak 2: 5 Hotspot
Pembuangan Sampah Haram



05

17 Januari 2025
Lawatan Tapak 1: Gaharu Tea Valley



04

17 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan



07

18 Januari 2025
FGD 1: Pekebun Limau Bali Tambun



08

18 Januari 2025
FGD 2: Ibu Tunggal & PAWE Gopeng
(Dun Simpang Pulai)



09

19 Januari 2025
FGD 3: Peniaga-Peniaga Kecil
(Dun Simpang Pulai)



12

19 Januari 2025
FGD 6: Komuniti Peniaga-peniaga Kecil,
Penternak & Pekebun
(Dun Sungai Rapat)



11

19 Januari 2025
FGD 5: Komuniti Ibu Tunggal
(Dun Sungai Rapat)



10

19 Januari 2025
FGD 4: NGO, KRT dan Persatuan
Pejuang Pesakit Kanser Perak
(Dun Sungai Rapat)




12 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng, telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan pemetaan isu di Parlimen Gopeng. Tarikh pemetaan isu telah ditetapkan pada 18 hingga 20 Januari 2025. Langkah ini bertujuan untuk memastikan penyelarasan awal dapat dilakukan dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan di Gopeng dapat dioptimumkan bagi memastikan keberkesanan gerak kerja pemetaan.

23 DISEMBER 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Sesi profiling bagi kawasan Parlimen Gopeng telah diadakan secara talian dan diketuai oleh Lydia Ann Bill bersama Nik Athirah Abdul Ghani daripada sekretariat APPGM-SDG. Turut hadir dari pihak Parlimen Gopeng ialah setiausaha dan pegawai khas DUN, termasuk En. Jamean, En. William Lee, Pn. Choon Wah, En. Looi Mun, Pn. Christine, dan En. Isyraf.



Perbincangan sesi ini tertumpu kepada penyusunan jadual serta kumpulan sasaran bagi sesi pemetaan isu yang dirancang pada 18-20 Januari 2025.



3 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN (DAERAH KINTA)

Dr. Thanaraj Murudi, Nurul Syaza Mazelan, dan Lydia Ann telah menghadiri perjumpaan awalan bersama Pegawai Daerah Kinta, Tuan Zulhisham, di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh. Tuan Zulhisham menyatakan sokongan dan mengambil maklum tentang gerak kerja pemetaan isu APPGM-SDG di kawasan Parlimen Gopeng. Perbincangan turut melibatkan cadangan untuk mengadakan dialog interagensi kerajaan, di mana pihak Daerah Kinta akan bekerjasama dengan Daerah Kampar bagi menjayakan sesi dialog yang dirancang pada 4 Februari 2025.



17 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Perjumpaan bersama Pegawai Daerah dan Tanah Kampar, Tuan Nasrul Fazami bin Mohamad, K.M.N., P.K.T., telah diadakan sebagai sebahagian daripada persiapan pra lawatan untuk Parlimen Gopeng. Mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah, Tuan Ahmad Bashir bin Abdul Rahim, dan Penolong Pegawai Daerah, Tuan Muhamad Sharul Nizam bin Shuhaimi. Sekretariat APPGM-SDG diwakili oleh Pengarah Kanan, Anthony Tan, bersama Dr. Thanaraj Murudi, Lydia Ann Bill, dan Nik Athirah Abdul Ghani. Perbincangan tertumpu kepada persediaan interagensi yang akan berlangsung pada 4 Februari 2025, diikuti dengan sesi pembangunan kapasiti pada 5 Februari 2025.



LAWATAN TAPAK 1: GAHARU TEA VALLEY

Kumpulan penyelidik parlimen Gopeng berkesempatan singgah salah satu tempat yang menarik di kawasan tersebut iaitu Gaharu Tea Valley. Ladang Gaharu ini adalah destinasi agropelancongan yang semakin berkembang. Fakta menarik mengenai Ladang Gaharu ini adalah ia tersenarai dalam 'Malaysia Book of Records' sebagai ladang organik pertama di Malaysia selain dijadikan sebagai gaharu Gopeng yang mempunyai GI (geographical indication) oleh MyIPO. Bukti bahawa betapa berharga dan uniknya gaharu ini boleh dilihat apabila sebiji berbentuk minik gaharu boleh mencecah RM400-RM600.



LAWATAN TAPAK 2: 5 HOTSPOT PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Pasukan penyelidik telah menjalankan satu lawatan tapak di 5 hotspot pembuangan sampah haram di parlimen Gopeng. Lawatan ini bertujuan untuk melihat kawasan yang menjadi tumpuan pembuangan sampah secara haram yang berleluasa. Pihak ADUN dan Parlimen Gopeng telah memasang CCTV di 5 kawasan hotspot ini bagi mengurangkan masalah pembuangan secara tidak terkawal. Kunjungan pasukan telah mendapati bahawa pemasangan ini adalah berkesan dalam mengurangkan pembuangan sampah namun tidak sepenuhnya menyelesaikan masalah.



FGD 1: PEKEBUN LIMAU BALI TAMBUN (KOMUNITI CINA)

Sesi FGD telah dijalankan di Gerai Limau Bali Heng Kee Kampung Ampang Baru bersama Pekebun Limau Bali Tambun (pertanian, komuniti Cina). Antara isu yang telah dibahaskan adalah: **(1)** tiada geran dan jaminan pemilikan tanah; **(2)** tiada penerusan/ pelapis petani muda disebabkan tiada jaminan tanah; dan **(3)** pekebun tidak layak untuk mendapat manfaat seperti subsidi baja dan racun.



FGD 2: IBU TUNGGAL & PAWE GOPENG (DUN SIMPANG PULAI)

Sesi FGD bersama komuniti ibu tunggal dan PAWE telah dijalankan di Dewan KRT Taman Lembah Permai. Isu yang telah dibangkitkan oleh ibu tunggal merangkumi: **(1)** terdapat ibu yang tidak layak untuk mendapat bantuan ibu tunggal JKM kerana mempunyai aset; **(2)** komuniti memerlukan bantuan JKM kerana usia telah lanjut untuk bekerja dan tinggal bersendirian; dan **(3)** kesukaran melakukan pembayaran *cashless*.

Isu-isu utama dalam komuniti PAWE merangkumi: **(1)** infrastruktur padang permainan kanak-kanak yang tidak diselenggara; **(2)** air longkang tersumbat sehingga memasuki halaman rumah; **(3)** masalah hidupan liar seperti babi hutan, anjing liar dan monyet; **(4)** kesukaran ke klinik sekiranya tidak mempunyai kenderaan; dan **(5)** masalah alam sekitar dan kesihatan iaitu letupan kuari hingga menyebabkan gegaran rumah dan masalah asma dan batuk-batuk - sebahagian penduduk diarahkan pindah untuk setahun dan sewa dibayar oleh syarikat kuari sementara rumah dibaiki.



FGD 3: PENIAGA-PENIAGA KECIL (DUN SIMPANG PULAI)

Sesi FGD telah dijalankan di Pejabat JPKK Seri Ampang bersama komuniti peniaga-peniaga kecil. Antara isu yang telah dibahas adalah: **(1)** kos operasi bertambah akibat daripada pengurangan subsidi diesel kepada kontraktor G1; **(2)** masalah perparitan yang lama dan tidak diselenggara menyebabkan banjir; **(3)** komuniti susah mencari pelapis dalam kalangan belia untuk aktiviti komuniti; **(4)** masalah pembuangan sampah.



FGD 4: NGO, KRT DAN PERSATUAN PEJUANG PESAKIT KANSER PERAK

Sesi FGD bersama komuniti NGO, KRT dan Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak telah dijalankan di Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak. Isu yang telah dibangkitkan oleh NGO merangkumi: **(1)** NGO tidak menerima subsidi diesel menyebabkan kos operasi meningkat; **(2)** tiada kemudahan parking dan tandas awam yang mesra OKU; **(3)** kesukaran ambulans milik NGO untuk mengambil pesakit daripada hospital; **(4)** jalan raya yang beralun, tiada lampu jalan dan ancaman haiwan ternakan dan liar di jalan raya; dan **(5)** ancaman kes pecah rumah.

Isu-isu utama KRT merangkumi: **(1)** peruntukan KRT tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti sepanjang tahun; dan **(2)** kesukaran untuk mencari pelapis dalam kalangan belia untuk sertai persatuan dalam komuniti.

Seterusnya, isu yang dibangkitkan oleh Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak merangkumi: **(1)** kekurangan kempen kesedaran mengenai kanser; dan **(2)** kos perubatan untuk merawat pesakit kanser adalah tinggi - tiada insurans, tidak tahu ada bantuan kerajaan disediakan



FGD 5: KOMUNITI IBU TUNGGAL

Sesi FGD telah dijalankan di Dewan KRT Lembah Permai bersama Komuniti Ibu Tunggal. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** tiada penempatan ibu-ibu tunggal yang tiada waris; **(2)** tiada maklumat diterima mengenai perkhidmatan kerajaan seperti perubatan Madani & PEKA; **(3)** kos sara hidup yang tinggi & program jualan rahmah yang berkurangan; dan **(4)** ancaman binatang ternakan dan liar.



FGD 6: KOMUNITI PENIAGA-PENIAGA KECIL, PENTERNAK & PEKEBUN

Sesi FGD telah dijalankan di Laman Zulfaqar Kampung Changkat Larang bersama komuniti peniaga-peniaga kecil, penternak dan pekebun. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** isu permohonan lesen yang perlu dilakukan di pelbagai tempat untuk menjalankan perniagaan di daerah berlainan dengan harga lesen yang berbeza mengikut daerah; **(2)** tiada penguatkuasaan dalam pembelian minyak kepada warga asing; **(3)** tanah pertanian padi telah diusahakan untuk penanaman kelapa sawit sehingga menyukarkan untuk mendapat bantuan kerajaan; **(4)** sewaan semula pada harga yang tinggi secara tidak sah di petak perniagaan yang disewa daripada MBI; dan **(5)** kos dedak yang semakin mahal.



FGD 7: KOMUNITI BELIA

Sesi FGD telah dijalankan di Laman Zulfaqar Kampung Changkat Larang bersama komuniti belia. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** belia tidak diberi peluang untuk menerajui kepimpinan masyarakat seperti KRT & JPKK; **(2)** belia kurang keinginan dalam kalangan pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran; **(3)** tiada peluang pekerjaan menyebabkan penghijrahan belia ke bandar; dan **(4)** persepsi sesetengah belia yang menganggap vape & merokok sebagai budaya yang normal.



FGD 8: KOMUNITI ORANG ASLI SUKU ETNIK TEMIAR-SEMAI

Sesi FGD telah dijalankan di Dewan Tan Sri Bernard Dompok bersama komuniti Orang Asli suku etnik Temiar-Semai. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** jarak SMK yang jauh menyebabkan keciciran pelajar orang asli ke sekolah menengah; **(2)** masalah sosial bagi pelajar orang asli yang tinggal di asrama sehingga mengurangkan keyakinan ibu bapa; **(3)** masalah capaian internet; **(4)** tiada lampu jalan di jalan utama Gopeng menuju ke Cameron Highland; dan **(5)** pencemaran sungai menjejaskan sumber makanan dan budaya hidup orang asli.



FGD 9: KOMUNITI ORANG ASLI SUKU ETNIK SEMAI

Sesi FGD telah dijalankan di Dewan Orang Ramai Kg Ulu Groh bersama komuniti Orang Asli suku etnik Semai. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** jarak kampung ke sekolah yang jauh menyebabkan keciciran dalam pelajaran; **(2)** kurangnya minat golongan muda untuk bekerja dan belajar; **(3)** tiada bantuan untuk anak-anak OA ke sekolah seperti yuran, buku dan pakaian sekolah; **(4)** kemiskinan haid kerana tidak mampu membeli tuala wanita; dan **(5)** bencana tanah runtuh yang menyekat laluan penduduk kampung.



LAWATAN TAPAK 3: HOMESTAY DAN KAWASAN EKO-PELANCONGAN

Pasukan penyelidik telah mengadakan lawatan tapak ke salah satu pengusaha operator di Gopeng. Kebanyakan chalet-chalet yang sedia ada menggunakan kuasa elektrik kipas dan kurangnya menggunakan penghawa angin untuk mengurangkan kegunaan elektrik. Hal ini kerana bekalan elektrik di kawasan tersebut adalah terhad untuk tujuan perumahan sahaja. Selain itu, sungai yang terletak berdekatan dengan homestay menjadi faktor menarik untuk orang awam melawat homestay tersebut. Disebabkan sungai yang sama juga berkongsi dengan pengusaha homestay yang lain, oleh itu, adanya sifat berkesafahaman antara operator-operator sekeliling untuk saling menjaga kebersihan sungai serta sentiasa memberi nasihat kepada pelanggan masing-masing untuk menjaga kebersihan.



FGD 10: KOMUNITI EKO-PELANCONGAN

Sesi FGD telah dijalankan di Dewan Kg Pintu Padang bersama komuniti eko-pelancongan. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** harga lesen eko-pelancongan yang tinggi; **(2)** struktur jalan ke kawasan pelancongan yang daif dan berlubang; **(3)** kekurangan penjaanaan elektrik dan air untuk menampung permintaan daripada industri eko pelancongan; **(4)** pencemaran sampah sarap ke dalam sungai oleh orang awam mengganggu perkhidmatan pelancongan.

Perbincangan juga telah merakam bahawa Industri pelancongan di Gopeng telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan bukan sahaja daripada penduduk Malaysia juga daripada pelancong luar negara khususnya Singapura, Korea, Taiwan dan Jepun.

BAHAGIAN B

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.071 Gopeng

Senarai Jadual

| | |
|-----------|--|
| Jadual 1 | Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Gopeng |
| Jadual 2 | Rangkuman Isu Rentas SDG |
| Jadual 3 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1 |
| Jadual 4 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2 |
| Jadual 5 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3 |
| Jadual 6 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4 |
| Jadual 7 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5 |
| Jadual 8 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6 |
| Jadual 9 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7 |
| Jadual 10 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8 |
| Jadual 11 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9 |
| Jadual 12 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10 |
| Jadual 13 | Ringkasan Isu 1 |
| Jadual 14 | Ringkasan Isu 2 |
| Jadual 15 | Ringkasan Isu 3 |
| Jadual 16 | Pengenalpastian Projek Penyelesaian |

Senarai Singkatan

| | |
|-------------------|--|
| AI | Artificial Intelligence |
| APPGM-SDG | All Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals |
| CITES | Convention on International Trade in Endangered Species |
| DUN | Dewan Undangan Negeri |
| EIA | Environmental Impact Assessment |
| FGD | Focus Group Discussions (Perbincangan Kumpulan Berfokus) |
| HOGA | Holistics Gaharu |
| ICU | Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan |
| IKS | Industri Kecil dan Sederhana |
| IPD | Ibu Pejabat Polis Daerah |
| JAKOA | Jabatan Kemajuan Orang Asli |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| JPKK | Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung |
| K9 | Sekolah Model Khas Komprehensif 9 Tahun |
| KBS | Kementerian Belia dan Sukan |
| KK | Klinik Kesihatan |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KRT | Kawasan Rukun Tetangga |
| MCMC | Malaysian Communications and Multimedia Commission |
| MOTAC | Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya). |
| NGO | Non-Governmental Organisations |
| OA | Orang Asli |
| OKU | Orang Kurang Upaya |
| PAWE | Pusat Aktiviti Warga Emas |
| PDRM | Polis Diraja Malaysia |
| PDT | Pegawai Daerah dan Tanah |
| PeKA B40 | Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 |
| PERHILITAN | Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| QR | Quick Response |
| RELA | Jabatan Sukarelawan Malaysia |
| SDG | Sustainable Development Goals |
| TNB | Tenaga Nasional Berhad |
| YB | Yang Berhormat |

1.0 PENGENALAN

Parlimen Gopeng merangkumi tiga (3) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Simpang Pulai, DUN Sungai Rapat, dan DUN Teja.¹ Terdapat dua (2) daerah di bawah kawasan parlimen tersebut iaitu Daerah Kampar dan Daerah Kinta. Jumlah penduduk di parlimen Gopeng adalah seramai 216,237 orang di mana kebanyakan penduduk adalah warganegara, 94.5 peratus. Dari segi komposisi mengikut etnik, separuh daripada jumlah penduduk iaitu 52.7 peratus adalah bumiputera manakala 38.6 peratus adalah etnik Cina, 8.3 peratus adalah etnik India dan 0.4 peratus adalah yang lain-lain.²



**YB Tuan Tan Kar
Hing**

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan komposisi jantina menunjukkan bahawa 51.3 peratus adalah golongan lelaki manakala 48.7 peratus adalah golongan wanita. Ini bermakna komposisi jantina antara golongan lelaki dan wanita adalah seimbang meskipun kaum lelaki adalah lebih sedikit.

Pada Pilihan Raya Umum ke-15, kawasan Parlimen Gopeng mencatatkan seramai 143,657 pengundi, merangkumi pemilih dari ketiga-tiga DUN di bawahnya. Statistik menunjukkan bahawa kumpulan berusia 21 hingga 29 tahun merupakan kelompok pengundi terbesar berbanding kumpulan umur lain.³ Trend ini menggambarkan penglibatan aktif golongan muda dalam proses demokrasi serta tahap kesedaran politik yang tinggi dalam kalangan mereka.

Pada tahun 2022, Yang Berhormat (YB) Tuan Tan Kar Hing dari Parti Keadilan Rakyat, salah satu komponen Pakatan Harapan, berjaya memenangi kerusi Parlimen Gopeng. Selaras dengan itu, program pemetaan isu bagi tahun 2025 di Parlimen Gopeng dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama YB Tuan Tan Kar Hing.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Gopeng (P.071) terletak di tengah-selatan Perak, Malaysia, bersempadan dengan daerah Kampar dan Batang Padang di selatan serta bandaraya Ipoh di utara. Luas kawasan parlimen Gopeng adalah seluas 577 km persegi. Gopeng merupakan kawasan yang strategik kerana ia terletak berdekatan dengan bandar-bandar seperti

¹ Portal Rasmi Dewan Negeri Perak, Senarai Ahli Dewan Negeri (2024)

² Jabatan Perangkaan Malaysia, *KawasanKu, Kawasan Parlimen Gopeng* (Putrajaya, Malaysia: Jabatan perangkaan Malaysia, 2023)

³ Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-15, Statistik Umur Mengikut DUN (9 Oktober 2022).

Ipoh, Batu Gajah dan Kampar. Dari segi topografi, Gopeng terletak pada ketinggian purata 120 meter di atas paras laut, dengan ketinggian 21 meter sehingga 646 meter.

Gopeng terletak di bahagian timur Lembah Kinta dan dikelilingi oleh Banjaran Titiwangsa, menjadikannya kawasan yang berbukit dan bergunung-ganang. Lembah Kinta terkenal sebagai kawasan perlombongan bijih timah utama, dan sejak tahun 1870-an, aktiviti perlombongan telah mendorong perkembangan petempatan di Gopeng (Ariffin, 2011). Namun, selepas kemerosotan industri bijih timah global pada tahun 1980-an, ramai penduduk berpindah keluar kawasan tersebut dan berhijrah ke bandar-bandar berdekatan untuk mencari peluang lebih baik.

Salah satu bukti warisan industri bijih timah di Gopeng ialah Paip Besar Gopeng, rangkaian paip gergasi yang membentang merentasi Jalan Gopeng, antara Stesen Minyak Shell dan Masjid Baru Gopeng. Dahulu, paip ini memainkan peranan penting dalam menyalurkan air bersih dari kawasan pergunungan ke lombong bijih timah serta penempatan penduduk di sekitarnya. Walaupun industri perlombongan telah lama berhenti, Paip Besar masih teguh berdiri di atas tiang asalnya, menjadi mercu tanda ikonik yang mengabadikan sebagai salah satu sejarah dan identiti Gopeng.

Selain sejarah perlombongan, Gopeng juga dikenali kerana formasi gua batu kapurnya, termasuk Gua Tempurung, yang merupakan antara gua batu kapur terbesar di Semenanjung Malaysia. Kawasan ini turut menawarkan tarikan ekopelancongan seperti arung jeram di Sungai Kampar, yang terkenal dengan aliran berjeram dan sering menjadi lokasi aktiviti lasak serta rekreasi alam semula jadi.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan statistik subnasional Parlimen Gopeng (P.071), kawasan parlimen tersebut mempunyai jumlah penduduk seramai 216,236 orang. Nisbah jantina pula di kawasan ini adalah 105 lelaki bagi setiap 100 perempuan.⁴

Dari segi komposisi penduduk adalah 52.7 peratus adalah bumiputera, 38.6 peratus etnik Cina, 8.3 peratus etnik India dan 0.4 peratus adalah lain-lain.

Tambahan itu, struktur umur di kawasan parlimen Gopeng boleh dibahagikan kepada empat iaitu penduduk berumur 0-14 tahun, penduduk berumur 15-64 tahun, penduduk berumur 65 tahun, penduduk berumur 65 tahun dan ke atas, serta penduduk berumur 18 tahun dan ke atas.. Berdasarkan graf struktur umur di Gopeng di bawah, majoriti penduduk berada dalam usia produktif (15-64 tahun), yang penting untuk pembangunan

⁴Jabatan Perangkaan Malaysia, KawasanKu, Kawasan Parlimen Gopeng (Putrajaya, Malaysia: Jabatan perangkaan Malaysia, 2023)

ekonomi dan sosial. Selain itu, peratusan warga emas sebanyak 8.6 peratus menunjukkan tanda-tanda penuaan populasi yang hampir selari dengan tren di peringkat kebangsaan iaitu 11.6 peratus (Bernama, 2024).⁵ Di samping itu, terdapat 70.5 peratus penduduk berumur 18 tahun dan lebih, ini menunjukkan potensi besar populasi tersebut dalam penglibatan politik, pembangunan komuniti dan sosio-ekonomi setempat.

Berdasarkan graf Nisbah Tanggungan (Dependency Ratio) Penduduk Parlimen Gopeng, beberapa trend utama dapat diperhatikan, pertama sekali adalah mengenai nisbah tanggungan secara keseluruhan di mana nisbah ini terus menurun daripada 71.8 peratus (1991) ke 62.6 peratus (2000), 52.3 peratus (2010) dan akhirnya 47.3 peratus (2020). Ini menunjukkan pengurangan beban tanggungan kepada penduduk yang bekerja. Namun demikian, ini mungkin disebabkan juga oleh perubahan demografi di mana kebanyakan penduduk terutamanya belia berhijrah bekerja ke bandar.⁶

Selain itu, pada tahun 1991, nisbah tanggungan muda adalah 63.4 peratus dan menunjukkan trend penurunan kepada 53 peratus (2000), 40.5 peratus (2010), 34.2% (2020). Penurunan ini mencerminkan penurunan kadar kelahiran dan perubahan struktur penduduk dengan kurangnya generasi muda.

Di samping itu, nisbah tanggungan warga emas meningkat dari 8.4 peratus (1991) kepada 13.2 peratus (2020). Ini menunjukkan trend penuaan penduduk, di mana populasi warga emas semakin meningkat, sejajar dengan jangka hayat yang lebih panjang dan pengurangan kadar kelahiran. Gopeng mengalami perubahan demografi yang ketara, dengan penurunan generasi muda dan peningkatan populasi warga tua. Ini mencerminkan trend penuaan yang perlu diberi perhatian dalam aspek pembangunan ekonomi, tenaga kerja, dan sistem sokongan sosial.

⁵ BERNAMA. (Oktober, 2024). Warga emas di Malaysia dipastikan meniti usia dengan bermaruah. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1305312/warga-emas-di-malaysia-dipastikan-meniti-usia-dengan-bermaruah>

⁶ Jeevendran, K. (11 November, 2022). Dr. Wayne rancang jana peluang pekerjaan di Simpang Pulai, elak belia berhijrah. Retrieved from Malaysia Gazette: <https://malaysiagazette.com/2022/11/11/dr-wayne-rancang-jana-peluang-pekerjaan-di-simpang-pulai-elak-belia-berhijrah/>

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Gopeng telah mengalami perubahan ekonomi yang ketara, daripada pusat perlombongan bijih timah pada abad ke-19 kepada hab pelancongan, pertanian, dan industri kecil sederhana (IKS) pada masa kini.⁷

- **Eko-pelancongan dan warisan**

Gopeng terletak di Lembah Kinta, dikelilingi oleh hutan hujan tropika, gua batu kapur, sungai deras, dan biodiversiti yang tinggi. Anugerah geografi ini menjadikannya lokasi yang ideal untuk pelbagai aktiviti eko-pelancongan. Antara produk pelancongan Gopeng adalah Gua Tempurung, iaitu salah satu gua batu kapur terbesar di Malaysia. Tambahan pula, terdapatnya Hutan Lipur Ulu Geroh – Terkenal dengan populasi *Rafflesia* dan habitat kelip-kelip, menjadikannya daya tarikan bagi pencinta alam. Selain itu, Sungai Kampar pula merupakan destinasi utama di Perak untuk aktiviti white water rafting.⁸

Pada suatu ketika dahulu, Gopeng merupakan pusat utama perlombongan bijih timah sejak abad ke-19, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kawasan sekitarnya. Walau bagaimanapun, industri ini mengalami kemerosotan pada tahun 1980-an, menyebabkan banyak tapak perlombongan ditinggalkan dan meninggalkan kesan terhadap landskap serta ekonomi tempatan. Menyedari kepentingan sejarah perlombongan ini, kerajaan negeri Perak mengambil inisiatif untuk mengekalkan legasi tersebut dengan menubuhkan Muzium Gopeng. Muzium ini bukan sahaja berperanan sebagai pusat maklumat mengenai sejarah perlombongan bijih timah di Gopeng, tetapi juga sebagai platform untuk memelihara dan mempamerkan artifak bersejarah yang pernah digunakan oleh masyarakat setempat. Pelawat dapat melihat pelbagai koleksi antik, termasuk peralatan perlombongan lama, dokumen sejarah, dan barang-barang warisan yang memberi gambaran tentang kehidupan masyarakat Gopeng pada masa lalu. Tuntasnya, selain menjadi pusat eko-pelancongan, Gopeng turut dikenali sebagai destinasi warisan sejarah.

- **Pertanian dan agropelancongan**

Selain daripada itu, ekonomi utama Gopeng juga termasuk agropelancongan dan pertanian, sejajar dengan keindahan alam semula jadi dan sumber

⁷ Ariffin, N. (2011). Sejarah Perlombongan Bijih Timah di Gopeng, Perak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁸ Samat, H. A., Rasyid, N. M., Khan, T. K., Aziz, M. A., Hashim, M., & Basal, H. (2020). Perceived Risk and Perceived Competence in White Water Rafting Activity at Kampar River, Gopeng, Perak. Enhancing Health and Sports Performance by Design: Proceedings of the 2019 Movement, Health & Exercise (MoHE) and International Sports Science Conference (ISSC) (pp. 519-527). Singapore: Springer.

pertanian yang terdapat di kawasan tersebut. Ladang-ladang dan kebun-kebun tempatan bukan sahaja menghasilkan tanaman seperti limau bali, durian, kelapa sawit dan getah tetapi juga dibuka kepada pelancong untuk merasai pengalaman pertanian secara langsung. Contohnya, anggur premium Kyoho, yang lazimnya tumbuh di negara beriklim empat musim, telah berjaya ditanam dan dihasilkan oleh Agrotech Profarm Gopeng (Gunawan, 2024). Tambahnya, pihak penyelidik APPGM-SDG juga berkesempatan melawat sendiri tapak agrofarm herba gaharu yang dikenali sebagai HOGA Gaharu Tea Valley Gopeng. Lawatan ini memberikan peluang untuk melihat dengan lebih dekat bagaimana pokok gaharu diproses menjadi teh yang mempunyai pelbagai manfaat kesihatan. Selain menawarkan lawatan ladang, tempat ini turut menyediakan sebuah kafe yang menyajikan minuman berasaskan gaharu serta ruang untuk pengunjung menikmati pengalaman agropelancongan yang unik. Gaharu Tea Valley bukan sahaja menyumbang kepada sektor pertanian, tetapi juga menjadi tarikan pelancongan yang menggabungkan warisan herba tempatan dengan pelancongan berasaskan kesihatan.

- **Penternakan**

Gopeng juga terkenal dengan aktiviti penternakan, yang memainkan peranan penting dalam sektor pertanian serta agropelancongan di kawasan ini. Penternakan bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui pengeluaran daging segar, tetapi juga menarik minat pelancong yang ingin merasai pengalaman kehidupan desa secara langsung. Salah satu contoh lokasi yang telah dilawati oleh pihak penyelidik APPGM-SDG ialah Laman Zulfaqar. Tempat ini menawarkan konsep homestay dengan suasana kampung, membolehkan pengunjung menikmati pengalaman kehidupan desa yang sebenar. Selain menyediakan penginapan yang selesa, Laman Zulfaqar turut menampilkan sebuah kedai daging yang menjual daging segar hasil ternakan sendiri. Secara keseluruhannya, kombinasi antara penternakan, jualan daging segar, dan hospitaliti desa menjadikan Laman Zulfaqar sebagai contoh terbaik bagaimana sektor penternakan boleh dimanfaatkan dalam industri agropelancongan, sekaligus memberi nilai tambah kepada ekonomi tempatan di Gopeng.

Sebagai kesimpulan, Gopeng merupakan sebuah destinasi yang kaya dengan keunikan sejarah, keindahan alam semula jadi, dan kepelbagaian ekonomi. Dari segi ekonomi, Gopeng tidak lagi bergantung kepada industri perlombongan bijih timah seperti dahulu. Sebaliknya, sektor pelancongan, pertanian, dan industri kecil dan sederhana (IKS) kini menjadi tunjang utama pertumbuhan ekonomi di kawasan ini.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Sektor eko-pelancongan yang semakin berkembang di Gopeng menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, terutamanya dalam bidang hospitaliti, pemandu pelancong, dan aktiviti lasak seperti arung jeram dan eksplorasi gua. Selain itu, peningkatan sektor pertanian dan penternakan, seperti di Laman Zulfaqar, memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar dengan mewujudkan pekerjaan dalam industri agropelancongan dan pembekalan makanan. Tuntasnya, ekonomi yang pelbagai tersebut telah menyumbang terutamanya kepada Matlamat Pembangunan Mampan *SDG 8.0 Promote Beneficial and Sustainable Tourism*.

Selain SDG 8, para pengusaha yang terlibat dalam ekonomi Gopeng turut menyumbang terperinci kepada pencapaian *SDG 12.2: Sustainable Management and Use of Natural Resources* yang menekankan pengurusan sumber alam secara lestari dalam sektor pelancongan, termasuk kawalan pencemaran dan pemeliharaan kawasan hijau. Sebagai contoh, Gaharu Tea Valley, yang terletak di Parlimen Gopeng, merupakan ladang gaharu mampan dan organik pertama di Malaysia. Hal ini kerana pokok gaharu dikategorikan sebagai spesies terancam di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Liar Terancam (CITES). Namun, pihak HOGA telah mengambil inisiatif menanam semula pokok gaharu secara organik bagi memastikan kelangsungan spesies ini. Selain itu, usaha pertanian organik juga dapat dilihat melalui projek seperti Agrotech Program Gopeng, yang mengusahakan kebun sayur organik serta tanaman anggur Kyoho (BERNAMA, 2024). Penanaman sayur secara organik bukan sahaja memberi manfaat kepada kesihatan pengguna, tetapi juga membantu mengekalkan kesuburan tanah dengan penggunaan baja kompos dan teknik penanaman semula jadi, memastikan kesuburan tanah dalam jangka panjang.

Dalam pada itu, kedudukan Gopeng di Lembah Kinta serta berhampiran dengan beberapa sungai utama seperti Sungai Kampar dan Sungai Raya meningkatkan lagi risiko banjir, terutamanya semasa musim hujan lebat. Sering kali kawasan tersebut dilaporkan berlaku banjir dan mendapati liputan di media massa. Namun demikian, pelbagai pihak telah memainkan peranan dalam mengurangkan kesan banjir terhadap komuniti setempat. Misalnya, YB Tan Kar Hing dan pasukannya telah turun padang pada penghujung tahun 2024 dan awal tahun 2025 untuk menilai situasi banjir di beberapa kawasan seperti Taman Orkid, Ara Payung, Estate Kellie's Castle, Kampung Pisang, dan Kuil Kellie's Castle. Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak turut melaksanakan langkah-langkah pencegahan, termasuk membina kolam takungan tambahan di kawasan perumahan Sungai Rapat dan Sungai Pinji, serta menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan semak dan rumput bagi tujuan penyelenggaraan. Oleh demikian, usaha ini sejajar dengan *SDG 11: Sustainable Cities and Communities*, yang menekankan kepentingan membangunkan bandar dan penempatan yang selamat,

berdaya tahan, serta mampan dalam menghadapi cabaran seperti bencana alam. Tambahan pula, ianya juga berkait rapat dengan *SDG 13: Climate Action* di mana pelbagai pihak telah menekankan keperluan untuk mengambil tindakan segera dan Pembangunan infrastruktur yang lebih berdaya tahan bagi menangani perubahan iklim dan kesannya.

Jika lihat dari sudut *SDG 4: Quality Education*, pelbagai program telah dilaksanakan di peringkat nasional untuk menggalak pelajar orang asli untuk menceburi pendidikan terutamanya di kawasan parlimen Gopeng. Tamsilnya, pihak KPM telah mengadakan sesi libat urus dan Program Ziarah Kasih bersama komuniti Orang Asli di mana ianya adalah pendekatan strategik yang melibatkan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pihak sekolah, ibu bapa, dan murid dalam memastikan kelangsungan pendidikan pelajar-pelajar Orang Asli.⁹ Namun demikian, hasil pemetaan isu yang telah dijalankan menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli di DUN Simpang Pulai, Gopeng, khususnya dari suku Temiar dan Semai, masih berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memperoleh akses kepada pendidikan yang berkualiti. Keterpencilan lokasi penempatan, kekurangan kemudahan asas, serta faktor sosio-ekonomi menjadi antara penyebab utama yang menyumbang kepada kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan pelajar Orang Asli di kawasan ini. Justeru, bagi merealisasikan *SDG 4*, peningkatan infrastruktur, bantuan pendidikan, dan program sokongan komuniti adalah kunci dalam merealisasikan *SDG 4*. Langkah ini akan memastikan setiap pelajar Orang Asli mempunyai peluang untuk mencapai potensi mereka serta merapatkan jurang perbezaan dalam akses kepada pendidikan, selari dengan *SDG 10: Reduced Inequalities*.

Tuntasnya, pembangunan di kawasan Parlimen Gopeng berkait rapat dengan pelbagai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), mencerminkan usaha bersepadu dalam menangani isu sosial, ekonomi, dan alam sekitar secara holistik. Dengan pendekatan menyeluruh dan inklusif, Gopeng dapat berkembang secara lestari, selari dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030).

⁹ BERNAMA. (1 Disember, 2023). Lebih 300 kanak-kanak Orang Asli berjaya dipujuk untuk bersekolah. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-300-kanakkanak-orang-asli-berjaya-dipujuk-untuk-bersekolah-448208>

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Penyelidik telah menjalankan kajian awal bagi memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu utama yang wujud. Kajian ini berpandukan sumber sekunder, termasuk statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian terdahulu, carian dalam talian, dan laporan media. Pendekatan ini bertujuan memberikan gambaran menyeluruh mengenai situasi semasa serta isu-isu yang memerlukan perhatian dalam kawasan tersebut.

Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Tan Kar Hing telah diadakan pada 12 Disember 2024 di Parlimen Malaysia untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB Tuan Tan Kar Hing telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Gopeng. Hadirin daripada pihak APPGM-SDG termasuklah Cik Lydia Ann dan Dr. Thanaraj.

Pada 23 Disember 2024, ketua penyelidik dan pegawai APPGM-SDG, Cik Lydia Ann telah mengadakan perbincangan bersama pihak Parlimen Gopeng ialah setiausaha dan pegawai khas DUN, termasuk Encik Jamean, Encik William Lee, Puan Choon Wah, Encik Looi Mun, Puan Christine, dan Encik Isyraf. Perbincangan sesi ini tertumpu kepada penyusunan jadual serta kumpulan sasaran bagi sesi pemetaan isu yang dirancang pada 18-20 Januari 2025.

Pada 3 Januari 2025, Cik Lydia Ann selaku Ketua Penyelidik Gopeng, Puan Nurul Syaza Maselan Penolong Pengarah Unit *Constituency Coordination* dan Dr. Thanaraj Murudi, Ketua Zon Utara telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah Kinta Tuan Zulhisham bin Ahmad Shukori untuk memberi pengenalan APPGM-SDG dan tujuan pemetaan SDG di Parlimen Gopeng di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk perbincangan Inter-Agensi Dialog bersama agensi-agensinya kerajaan pada 4 Februari 2025 untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat. Perjumpaan tersebut juga memaklumkan bahawa Daerah Kinta sedia bekerjasama dengan pihak Daerah Kampar untuk sesi dialog tersebut untuk menyempurnakan pemetaan isu bagi kawasan parlimen Gopeng.

Pada 17 Januari 2025, ketua penyelidik Gopeng, Encik Anthony Tan, Pengarah Kanan, *MySDG Centre for Environment Society* dan Cik Athirah, pegawai penyelidik dan pengurusan projek di bawah Unit Dasar Solusi sekali telah pergi membuat lawatan awalan bersama Pegawai Daerah Kampar pula iaitu YBrs. Tuan Nazrul Fazami Bin Mohamad K.M.N, P.K.T, sebagai sebahagian daripada persiapan pra lawatan untuk Parlimen Gopeng. Mesyuarat

turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah, Tuan Ahmad Bashir bin Abdul Rahim, dan Penolong Pegawai Daerah, Tuan Muhamad Sharul Nizam bin Shuhaimi. Perbincangan tertumpu kepada persediaan inter-agensi yang akan berlangsung pada 4 Februari 2025, diikuti dengan sesi pembangunan kapasiti pada 5 Februari 2025.

Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau Focus Group Discussion (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

1. Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Gopeng.
2. Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.
3. Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Gopeng.

Sebanyak 10 sesi Focus Group Discussion (FGD) telah dilaksanakan bersama komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Gopeng. Selain itu, sesi dialog inter-agensi turut diadakan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar. Tentatif ringkas bagi lawatan tapak serta sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Mesyuarat Inter-Agensi Parlimen Gopeng telah berlangsung pada 4 Februari 2025, dari jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Nazrul Fazami Bin Mohamad K.M.N, P.K.T., pegawai daerah Daerah Kampar. Seramai 45 pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan turut hadir untuk menyumbang input dalam pemetaan isu di Parlimen Gopeng. Antara agensi yang terlibat termasuk PDT Kampar, PDT Kinta, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Perak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Pejabat Imigresen, Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKAO), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Gajah, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Penerangan Kampar, Jabatan Kebajikan Masyarakat Kinta dan Kampar, Pejabat Pendidikan dan Daerah Kinta Selatan, Pejabat Belia dan Sukan, serta Pejabat Pertanian Daerah Kinta.

Pengutamaan isu di Parlimen Gopeng telah dibincangkan secara mendalam bersama Ahli Parlimen, YB Tuan Tan Kar Hing, dalam satu sesi di Bangunan Parlimen pada 27 Februari 2025. Perbincangan ini turut dihadiri oleh wakil APPGM-SDG, Cik Lydia Ann, serta Pengarah Unit Pengurusan Projek, Cik Nur Farah Ezzaty. Dalam sesi tersebut, beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian telah diketengahkan, dengan penekanan khusus

terhadap keperluan pembangunan mampan dan pencapaian matlamat pembangunan lestari di kawasan tersebut. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Gopeng adalah seperti berikut:

1. Lydia Ann : Ketua Penyelidik
2. Anthony Tan Kee Huat : Pembantu Penyelidik
3. Dr. Thanaraj Marudi : Pembantu Penyelidik
4. Nik Athirah Abdul Ghani : Pembantu Penyelidik

Jadual 1. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Gopeng

| TARIKH | PERKARA |
|--------------------------------|---|
| 18 Januari 2025 , Sabtu | <ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Tapak di Hotspot Pembuangan Sampah Haram di Halaman Ampang Mewah • Komuniti Peniaga dan Pekebun Limau Bali Tambun di Gerai Limau Bali Heng Kee Kampung Ampang Baru • Komuniti Ibu Tunggal & PAWE Gopeng di Dewan Komuniti Taman Chandan Desa • Komuniti Peniaga-Peniaga Kecil di Pejabat JPJK Seri Ampang |
| 19 Januari 2025 , Ahad | <ul style="list-style-type: none"> • Komuniti NGO, KRT dan Persatuan Pesakit Kanser Perak di Pejabat Persatuan Sahabat Pejuang Kanser Perak • Komuniti Ibu Tunggal di Dewan KRT Taman Lembah Pantai • Komuniti Peniaga-Peniaga Kecil, Penternak dan Pekebun di Laman Zulfaqr Kampung Changkat Larang • Komuniti Belia di Laman Zulfawar Kampung Changkat Larang |
| 20 Januari 2025 , Isnin | <ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Orang Asli, suku etnik Temiar-Semai di Kampung Kerawat • Komuniti Orang Asli, suku etnik Semai di Kampung Ulu Geroh • Lawatan Tapak di homestay dan Kawasan eko-pelancongan • Komuniti Pengusaha Eko-Pelancongan di Kampung Pintu Padang |

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Sebelum sesi dialog bersama komuniti sasaran dan agensi kerajaan dimulakan, ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara termasuk mengambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Gopeng, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Pada hari ketiga proses pemetaan isu, penyelidik menghadapi cabaran dalam mendapatkan input daripada komuniti Orang Asli. Walaupun mereka memahami Bahasa Melayu, terdapat sebilangan yang kurang fasih dalam memahami soalan yang dikemukakan. Bagi mengatasi cabaran ini, penyelidik mengambil lebih masa untuk menghuraikan dan menyederhanakan soalan bagi memastikan pemahaman yang lebih jelas dalam kalangan responden Orang Asli. Selain itu, seorang pegawai khas yang merupakan anak tempatan daripada komuniti Orang Asli turut membantu dengan menjelaskan soalan-soalan penyelidik kepada responden. Bantuan ini bukan sahaja mempercepatkan pemahaman tetapi juga memudahkan proses perbincangan dalam sesi fokus berkumpulan.

Satu lagi kekangan dalam proses pemetaan isu pada hari ketiga ialah kekurangan tenaga penyelidik. Pada hari tersebut (Ahad), salah seorang pembantu penyelidik bagi Parlimen Gopeng terpaksa pulang ke Kuala Lumpur atas urusan penting yang perlu dihadiri pada keesokan harinya (Isnin). Permintaan kehadiran ini dibuat pada saat akhir, menyebabkan kekurangan tenaga kerja untuk menjalankan pemetaan isu pada hari ketiga. Akibatnya, hanya tiga pegawai penyelidik yang tersedia untuk meneruskan kajian pada hari tersebut. Oleh itu, jumlah kumpulan perbincangan pada hari ketiga terpaksa dihadkan kepada maksimum tiga kumpulan sahaja bagi memastikan kelancaran sesi pemetaan isu.

Selain itu, terdapat permintaan daripada pihak komuniti sendiri agar perbincangan dijalankan dalam bentuk *townhall* atau dalam satu kumpulan besar. Mereka berpendapat bahawa pendekatan ini lebih selesa dan membolehkan mereka berbincang secara terbuka mengenai isu-isu mendesak yang mereka hadapi bersama sebagai sebuah komuniti. Sehubungan itu, pihak penyelidik menghormati permintaan tersebut dan menyesuaikan format perbincangan. Bagi memastikan input yang diperoleh tetap menyeluruh dan berkualiti, ketua penyelidik memutuskan untuk memperuntukkan lebih banyak masa bagi sesi perbincangan ini. Langkah ini bertujuan memberi ruang kepada setiap individu untuk menyuarakan pandangan serta isu yang ingin diketengahkan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Salah satu keterbatasan utama dalam kajian ini adalah tempoh masa yang terhad bagi sesi *Focus Group Discussion (FGD)*, yang hanya berlangsung selama dua jam. Durasi yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara mendalam atau mendapatkan penjelasan lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut serta pengumpulan data yang lebih mendalam tidak dapat diberi perhatian sewajarnya. Walaupun terdapat alternatif seperti temubual individu atau kajian lanjutan yang boleh dicadangkan, kekangan masa menghalang pelaksanaannya dalam tempoh kajian yang ditetapkan. Oleh itu, hasil kajian ini tertumpu kepada maklumat yang diperolehi dalam jangka masa yang singkat.

Satu lagi keterbatasan dalam kajian ini adalah cabaran dalam menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan. Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti serta menjemput wakil dari pelbagai latar belakang, terdapat beberapa kelompok yang sukar dihubungi atau tidak dapat ditemui. Selain itu, pasukan penyelidik juga tidak berpeluang untuk menjalankan lawatan tapak ke lokasi-lokasi menarik atau yang menghadapi masalah, yang boleh memberikan gambaran lebih mendalam bagi pengisian laporan ini. Ketiadaan lawatan ini menghadkan pemahaman langsung terhadap isu-isu yang dihadapi oleh komuniti setempat.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 2. Rangkuman Isu Rentas SDG

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN |
|------|----------------|--|--------------------------------|--|---|--|
| 1 | Bencana Banjir | Gopeng merupakan salah satu kawasan yang sering mengalami banjir akibat faktor geografi dan cuaca. Terletak di Lembah Kinta dan dikelilingi oleh beberapa sungai utama seperti Sungai Kampar dan Sungai Raya, kawasan ini berisiko tinggi mengalami banjir terutama semasa musim hujan lebat. Selain itu, kehadiran banyak anak sungai di sekitar Gopeng turut meningkatkan potensi berlakunya limpahan air. Banjir di | Sosial, Ekonomi & Alam Sekitar | Pengusaha Eko-pelancongan kawasan perumahan terutamanya Kumpulan B40 Perkampung Orang Asli | Kampung Baru Seri Ampang, kawasan Kampung Tersusun, Kampung Geroh, DUN Sungai Rapat, DUN Teja | <p>SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.5 - Membina daya tahan terhadap bencana alam, termasuk banjir, untuk melindungi komuniti miskin dan terdedah daripada kesan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang buruk.</p> <p>SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.6 - Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari</p> |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN |
|------|---|---|--------------------|------------------------|------------------------------------|---|
| | | Gopeng bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk setempat tetapi juga menjejaskan infrastruktur, sektor pertanian, dan aktiviti ekonomi. | | | | <p>Sasaran 11.5 - Mengurangkan jumlah kematian dan kerugian ekonomi akibat bencana, termasuk banjir, dengan fokus kepada perlindungan infrastruktur dan perkhidmatan asas.</p> <p>Sasaran 11.6 - Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar untuk daya tahan terhadap bencana alam.</p> <p>SDG 13 - Tindakan Terhadap Perubahan Iklim Sasaran 13.1: Mengukuhkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap risiko berkaitan perubahan iklim, termasuk kejadian banjir.</p> |
| 2 | Cabaran Pemerkasaan Masyarakat Orang Asli | Di Gopeng, cabaran utama dalam memperkasa komuniti, termasuk Orang Asli, berpunca daripada | Sosial dan Ekonomi | -Masyarakat Orang Asli | -Kampung Geroh -Kampung Kerawat | <p>SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4 - Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan</p> |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN |
|------|-----------|--|---------|------------------|-----------------|--|
| | | <p>beberapa faktor yang saling berkait. Keciciran pendidikan menjadi isu kritikal kerana banyak sekolah terletak jauh dari penempatan mereka, ditambah dengan kekurangan kemudahan asas seperti asrama dan pengangkutan yang memadai. Hal ini menyebabkan ramai anak muda tidak dapat meneruskan pendidikan ke peringkat lebih tinggi, sekali gus menyukarkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih stabil.</p> <p>Dari segi peluang ekonomi, ramai dalam komuniti ini bergantung kepada</p> | | | | <p>miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokeuangan.</p> <p>SDG 4: Pendidikan Berkualiti Sasaran 4.3 - Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk university. Sasaran 4.5 - Menjelang 2030, hapuskan jurang perbezaan jantina dalam pendidikan dan pastikan akses sama rata kepada semua</p> |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN |
|------|-----------|--|---------|------------------|-----------------|--|
| | | <p>pertanian dan sumber alam sekitar sebagai punca pendapatan. Namun, pasaran bagi produk tempatan masih terhad, dengan kebanyakan hasil pertanian atau kraftangan hanya dijual dalam komuniti sendiri atau pelancong yang datang secara bermusim.</p> <p>Akhir sekali adalah infrastruktur asas yang masih lemah turut memberi kesan besar kepada kesejahteraan komuniti. Banyak jalan yang masih tidak berturap, menyukarkan akses ke sekolah, pasar, dan pusat kesihatan.</p> | | | | <p>peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk golongan yang terdedah, termasuk orang kelainan upaya, orang asli dan kanak-kanak dalam situasi terdedah.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Masyarakat Mampan Sasaran 11.2 - Menjelang 2030, sediakan akses kepada sisten pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah akses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengangkutan awam dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak dan orang kelaianan upaya dan orang tua.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN |
|------|---|---|---------|--|--|--|
| 3 | Potensi dan Cabaran Pengukuhan Ekonomi Komuniti | <p>Di Gopeng, terdapat pelbagai komuniti yang berpotensi menjana pendapatan berdasarkan keunikan setempat. Sebagai contoh, di kawasan DUN Teja, ramai pengusaha terlibat dalam sektor eko-pelancongan, namun mereka memerlukan sokongan kerajaan dalam aspek pemutihan, bantuan pembangunan homestay dan aktiviti pelancongan, serta latihan kemahiran teknikal bagi memperkasa operasi mereka.</p> <p>Selain itu, komuniti ibu tunggal, peniaga-peniaga kecil, dan belia juga menghadapi cabaran</p> | Ekonomi | Pengusaha-pengusaha eko-pelancongan -Ibu Tunggal -Belia -Peniaga-peniaga Kecil -Peniaga dalam golongan B40 -Pekebun/Pertanian | -DUN Teja -Jalan Tambun Baru -Taman Chandan Desa -Kampung Seri Ampang -Taman Lembah Pantai -Kampung Changkat Larang | <p>SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4 - Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro.</p> <p>SDG 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi Sasaran 8.3 - Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN |
|------|-----------|---|---------|------------------|-----------------|--|
| | | <p>dalam memperoleh modal serta akses kepada pasaran, yang penting bagi mengembangkan perniagaan mereka dan meningkatkan kestabilan ekonomi. Sokongan berterusan dalam bentuk bantuan kewangan, polisi geran hak milik tanah latihan, dan jaringan pemasaran amat diperlukan bagi memastikan kelangsungan dan pertumbuhan ekonomi komuniti di Gopeng.</p> | | | | <p>Sasaran 8.6 - Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara bahagian belia yang tidak dalam pekerjaan, pendidikan atau Latihan.</p> <p>Sasaran 8.9 - Menjelang 2030, susun dan laksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.</p> <p>SDG9: Industri, Inovasi dan Prasarana</p> <p>Sasaran 9.3 - Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepaduan mereka ke dalam rangkaian nilai dan pasaran.</p> |

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 3. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|--|---|--|--|
| FGD 1: Dialog Bersama Pekebun Limau Bali Tambun Tarikh: 18 Januari 2025 Bilangan peserta: 4 Orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan | | | Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Daerah Kampar 2. Pegawai Daerah Kinta 3. Jabatan Pertanian 4. Pejabat Penghulu Mukim Sungai Raya |
| 1. | Kesukaran untuk mendapat geran kebun atau <i>'temporary occupation licence'</i> (TOL) dan menyebabkan tiada jaminan pemilikan tanah | <p>Golongan terjejas adalah peniaga dan pekebun limau bali Tanah yang diusahakan oleh pekebun adalah di bawah rizab kerajaan negeri, kemudian dipindah hak milik kepada GLC negeri dan seterusnya dijual kepada pengusaha projek perumahan.</p> <p>Permohonan dibuat ke Pejabat Daerah tetapi terpaksa bersaing dengan permohonan pengusaha perumahan.</p> <p>Pekebun juga memaklumkan bahawa terdapat permohonan projek pembangunan perumahan</p> | Pegawai Daerah Kinta: Sebanyak 197 hektar tanah di Perak telah diwartakan sebagai Rezab Pembangunan untuk Masa Depan. Disebabkan kekurangan tanah dengan permintaan pembangunan di Perak, tanah tersebut telah direzabkan untuk kepentingan Perak di masa hadapan. |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|---|--|
| | | <p>dan perniagaan yang mudah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri.</p> <p>Perkara ini menimbulkan kerisauan pekebun yang telah bekerja keras untuk menanam dan membesarkan pokok buah limau bali. Namun, hak milik ladang tersebut boleh dihilangkan pada bila-bila masa sahaja.</p> | |
| 2. | Tidak layak untuk mendapatkan subsidi Jabatan Pertanian kerana tiada geran penanaman | <p>Hanya pemilik tanah secara pajakan atau pegangan bebas (<i>leasehold</i>) boleh menerima manfaat dan bantuan subsidi daripada Jabatan Pertanian.</p> <p>Namun, ketiadaan subsidi menyebabkan kos penanaman menjadi mahal terutamanya kepada racun serangga dan baja.</p> | <p>Pegawai Jabatan Pertanian: Subsidi daripada jabatan tersebut hanya boleh diberikan kepada individu yang memiliki geran hak milik tanah. Permohonan subsidi bagi mereka yang tidak mempunyai geran hak milik tanah adalah di luar bidang kuasa Jabatan Pertanian.</p> |
| 3. | Pengeluaran hasil buah yang berkurangan kerana masalah cuaca yang tidak menentu | <p>Pekebun memaklumkan bahawa hasil buah telah berkurangkibat cuaca ekstrem, iaitu hujan lebat yang berlebihan atau hujan tidak dijangka. Mereka juga merasai peningkatan suhu panas semenjak 15 tahun lalu. Hal ini menjejaskan kualiti buah seperti kerosakan kulit.</p> | <p>Pegawai Jabatan Pertanian: Diakui bahawa perubahan iklim sememangnya berlaku, namun isu tersebut berada di luar bidang kuasa agensi pertanian.</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|--|--|
| | | Dimaklumkan bahawa buah limau bali secara semula jadi boleh mengeluarkan hasil yang banyak pada setiap bulan, namun kini pengeluaran buah tersebut tidak menentu. | |
| 4. | Generasi muda atau anak-anak pengusaha kebun/pertanian tidak berminat untuk menyambung legasi | Generasi muda memilih untuk tidak menjadi pekebun dan kerana risiko seperti isu tiada jaminan tanah. | <i>Tiada ulasan daripada Jabatan Pertanian</i> |
| 5. | Tiada bantuan untk penurapan jalan dan pembinaan jambatan yang roboh akibat aliran sungai yang deras | Jalan menuju ke kebun merupakan jalan berbatu dan berlubang, manakala jambatan dibina daripada konkrit serta hanya mampu menampung satu kenderaan pada satu masa. Pada musim hujan, aliran sungai yang deras telah merobohkan jambatan tersebut. (Jalan Ulu Piah (bermula daripada Iskandar Polo Club dan Sungai Raya) | Penghulu Sungai Raya : Jalan yang telah dibaiki terletak di atas tanah milik Kelab Polo Iskandar. Sebaliknya, jalan yang masih belum dibaiki adalah kerana ia berada di atas tanah milik pihak lain. |

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|--|--|
| | <p>FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal & PAWE Gopeng di Dewan Komuniti Taman Chandan Desa</p> <p>Tarikh: 18 Januari 2025</p> <p>Bilangan peserta: 20 orang</p> <p>Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan</p> | | <p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Kampar 2. Jabatan Kebajikan Masyarakat Kinta 3. Pegawai Daerah Kampar 4. Pegawai Daerah Kinta |
| 1. | Cabaran Kelayakan Penerimaan bantuan JKM | <p>Ibu tunggal memaklumkan permohonan bantuan telah ditolak JKM berikutan mempunyai barangan seperti kereta, telefon dan rumah.</p> <p>Terdapat juga ibu tunggal yang ditolak permohonan kerana kuota pendapatan isi rumah adalah RM1,190 dan pendapatan isi rumah tersebut adalah RM1,500 yang mana jumlah tersebut adalah gaji minima. Walaupun begitu, pendapatan RM1500 adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan di rumah yang ramai terutamanya bagi yang tinggal bersama anak dan cucu.</p> <p>Maka, ibu tunggal ini berputus asa untuk mengisi borang JKM atau mana-mana bantuan kerajaan kerana birokrasi dan tidak tahu cara mengisi borang</p> | <p>Pegawai JKM Kampar:</p> <p>Pihak JKM Kampar tidak pernah menolak sebarang permohonan JKM. Juga dimaklumkan bahawa JKM Kampar tak pernah menyiasat dan melawat mana-mana isi rumah yang telah membuat permohonan. Pihak JKM Kinta akan menyemak pendapatan isi rumah dan memberi RM310 per kapita sebagai bantuan jika ada tanggungan. Kadang-kadang bantuan ibu tunggal diberi dalam bantuan persekolahan anak-anak (18 tahun ke bawah), bukan secara nyata seperti bantuan untuk ibu tunggal.</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|--|---|
| 2. | Kesukaran melakukan pembayaran digital seperti <i>cashless</i> /QR | Terdapat klinik seperti Klinik Gunung Rapat dan pusat pembelian tiket pengangkutan awam yang hanya menawarkan pembayaran secara digital dan tanpa duit yang menyukarkan golongan warga emas untuk melakukan transaksi pembayaran. (Klinik Gunung Rapat) | <i>Tiada penjelasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 3. | Kos perbelanjaan yang meningkat | Kos barangan mentah yang tinggi seperti harga beras lima kilogram mencecah RM20. Kos yang tinggi ini menjejaskan pembelian para ibu tunggal yang tidak bekerja dan hanya mengharapkan sumber kewangan daripada kaum keluarga. | Pegawai Daerah Kampar: Semua lapisan masyarakat turut terkesan dengan keadaan ekonomi semasa, yang memberikan tekanan kepada kehidupan harian sekarang. |
| 4. | Kos perkhidmatan Indah Water Konsertium (IWK) yang naik berganda dan servis yang tidak selaras dengan harga | Kos bagi perkhidmatan IWK telah meningkat daripada RM24 pada tahun 2023 kepada RM48 pada tahun 2024. Walaupun peningkatan harga telah berlaku namun tiada penyelenggaraan dilakukan daripada pihak IWK. | <i>Tiada penjelasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 5. | Tiada penyelenggaraan di kawasan longkang menjadi punca kejadian banjir | Longkang di kawasan perumahan Hala Pulai Timur 5 & 7, Taman Chandan Desa tidak diselenggara dan terdapat sampah berkumpul. Ini menyebabkan longkang menjadi tersumbat dan menyebabkan banjir. | <i>Tiada penjelasan daripada agensi kerajaan -dimaklumkan bahawa kawasan tersebut di bawah Majlis Bandaraya Ipoh namun, pegawai tidak hadir</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|---|---|
| 6. | Banjir disebabkan struktur Sungai | struktur Sungai Raya yang bertembung dengan sistem perparitan kecil telah menyebabkan limpahan air ke kawasan perumahan terutamanya di Kampung Tanjung | <i>Tiada penjelasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 7. | Keluasan premis PAWE di Gopeng yang terhad untuk menjalankan aktiviti pelbagai | Keluasan premis PAWE yang padat dan tempat yang terhad untuk melakukan pelbagai aktiviti pada masa yang sama. Oleh hal yang demikian, kebanyakan aktiviti terpaksa ditundakan dan hanya memfokuskan satu aktiviti pada satu masa yang sama. | Pegawai Daerah Kinta: Memang diakui bahawa premis PAWE kekurangan kemudahan and amat sukar untuk mereka membuat aktiviti. Akan pihak berkuasa melihat kawasan lain yang lebih sesuai untuk masa depan. |
| 8 | Aktiviti Kuari yang mengganggu kesejahteraan penduduk sekitar | Letupan menggegarkan pintu, jendela, berhabuk menyebabkan orang tua dan kanak-kanak batuk, sakit asma. | Pegawai Tanah & Galian Daerah Kinta: Pegawai Daerah Kampar: Memang sudah wujudnya jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memantau gerak kerja pihak kilang yang akan melakukan letupan kuari. Mereka akan memastikan jika penduduk atau kawasan tersebut sesuai untuk membuat letupan atau mengesyorkan tempat yang lebih selamat untuk melakukan aktiviti berikut. |

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|---|--|
| | <p>FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Seri Ampang di Pejabat JPKK Seri Ampang</p> <p>Tarikh: 18 Januari 2025</p> <p>Bilangan peserta: 3 Orang</p> <p>Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan</p> | | <p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Daerah 2. Majlis Daerah Kampar 3. Pejabat Daerah Batu Gajah 4. Pejabat Belia dan Sukan 5. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kampar 6. Pegawai TELEKOM 7. Jabatan Kerja Raya |
| 1 | Kos operasi bertambah akibat daripada pengurangan subsidi diesel kepada kontraktor G1 | Pengurangan subsidi diesel menyebabkan kenaikan kos operasi seperti penggunaan jentera. Harga diesel ini menyebabkan quotation harga baru perlu dikeluarkan kontraktor dan anggaran sebanyak 10% kenaikan daripada jumlah asal. | Jabatan Kerja Raya: Harga diesel akan disemak setiap lima tahun sekali, di mana satu kaedah penetapan harga akan ditetapkan untuk tujuan pembangunan. Selain itu, pihak JKR juga sentiasa merujuk kepada harga semasa dalam perancangan dan pelaksanaan projek mereka. |
| 2 | Pertikaian kepada kredibiliti pegawai kerajaan dalam kelulusan pembangunan | Terdapat pemantau yang tidak mempunyai ilmu yang cukup untuk meluluskan bangunan dan bertindak hanya meluluskan projek tersebut tanpa penilaian sebenar | Majlis Daerah Kampar: Setiap pegawai yang membuat pemantauan sudah ada kelayakan professional. Isu yang dinyatakan kemungkinan adalah isu dari segi pelaksanaan di mana kontraktor tidak mengikut pelan yang sedia ada. Namun, tidak ada isu dari segi pegawai yang membuat pemantauan. Semuanya ada kelayakan professional. |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|---|---|
| | | | <p>Pejabat Daerah Batu Gajah: Pegawai Daerah Batu Gajah menekankan bahawa tidak ada isu kelayakan kontraktor. Isu yang dinyatakan mungkin adalah dari segi pengurusan pembangunan.</p> |
| 3 | Kesukaran mencari pelapis dalam kalangan belia untuk aktiviti komuniti | Belia tidak menunjukkan minat untuk menyertai aktiviti komuniti yang tidak memberi keuntungan seperti duit. Selain itu, kekurangan infrastruktur juga menyebabkan sukar untuk pihak KBS membuat program di kawasan Seri Ampang. Kesukaran ini menyebabkan tiada calon muda untuk menjadi wakil KRT dan hanya mempunyai calon berusia. | <p>Pegawai Pejabat Belia dan Sukan: Penyertaan belia bergantung kepada minat-minat belia sendiri. Banyak program telah dilaksanakan untuk penyertaan belia dalam komuniti.</p> |
| 4 | Kecurian kabel TELEKOM | Terdapat insiden kehilangan kabel telekomunikasi yang disyaki dicuri di kawasan perumahan. Difahamkan, kegiatan ini dipercayai dilakukan oleh individu yang arif dan berpengalaman dalam mencuri kabel TELEKOM. Penduduk sering membuat aduan kepada pihak TM, namun maklum balas yang diterima menyatakan bahawa kabel tersebut tidak lagi digunakan, dan aduan tidak diberi perhatian sewajarnya. | <p>Pejabat Polis Daerah (IPD Batu Gajah dan wakil rakan IPD Kampar) : Pihak IPD ada membuat operasi dan kerjasama bersama pihak Telekom dan PDRM. Salah satu langkah yang telah dibuat adalah pihak TM akan menaiktarafkan kabel lama telekom kepada fibre optic. Kabel lama telekom terdapat di bawah tanah dan memerlukan kos dan masa yang lama untuk dikeluarkan dan digantikan dengan fibre optik. Pegawai TELEKOM: Pihak TM perlu meneliti bahawa kes kecurian kabel Telekom adalah dilakukan oleh</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|--|--|
| | | | pihak individu atau gangster. Jika dilakukan oleh pihak gangster, mereka tidak berani untuk masuk campur malah akan serahkan kes tersebut kepada pihak PDRM. Mereka hanya boleh sediakan gambar dan video kepada pihak polis atau maklumkan kepada ketua penduduk komuniti/ kampung. |
| 5 | Tempat rekreasi tidak selamat dan tidak sesuai untuk kenak-kanak beriadah | Keadaan padang bola yang tidak selamat untuk digunakan, terutamanya oleh kanak-kanak, walaupun pada zahirnya kelihatan terjaga. Selain itu, peserta turut menyatakan bahawa selepas generasi muda terdahulu tamat sekolah dan berhijrah untuk melanjutkan pelajaran atau bekerja, padang tersebut menjadi terbiar tanpa penyelenggaraan yang berterusan. | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|--|--|--|
| <p>FGD 4: Dialog Bersama Komuniti NGO, KRT dan Persatuan Pesakit Kanser Perak di Pejabat Persatuan Sahabat Pejuang Kanser Perak</p> <p>Tarikh: 19 Januari 2025</p> <p>Bilangan peserta: 17 orang</p> <p>Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan</p> | | | |
| 1 | Golongan tercicir dalam program dan subsidi perubatan | <p>Antara program dan subsidi perubatan adalah termasuk Skim Perubatan Madani, PeKA B40, MySalam</p> <p>Hanya segelintir telah menerima maklumat mengenai program perubatan Madani daripada pihak KK Gopeng yang membuat program pameran dan pemeriksaan kesihatan. Namun program ini tidak sampai kepada penduduk Taman Lembah Permai</p> | <p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pejabat Kesihatan Daerah Kinta 2. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kinta/ Kampar 3. Ibu Pejabat Polis (IPD) Kinta 4. Pegawai wakil Hospital Raja Permaisuri Bainun <p>PKD Kinta: Pihak PKD Kinta memang ada program kesedaran dan turun padang untuk program-program perubatan MADANI. Hanya boleh menjawab untuk bahagian Daerah Kinta dan tidak tahu sangat mengenai gerak kerja tentang program kesedaran atau perubatan untuk Daerah Kampar.</p> |
| 2 | Kesukaran untuk mengambil pesakit di hospital (Masalah parking/ letak kenderaan di hospital) | Pihak ambulans swasta menghadapi kesukaran untuk mengambil pesakit dan berharap agar pintu utama dapat digunakan untuk kegunaan pesakit. Hal ini berlaku di Raja Permaisuri Bainun Hospital, Ipoh | <p>PKD Kinta:</p> <p>Mungkin penduduk merujuk kepada pintu lama di hospital kerajaan sebab pintu tersebut khas untuk kakitangan dan WVIP sahaja. Pihak hospital kerajaan juga terpaksa mengawal kemasukkan untuk pintu lama untuk mengelak daripada pesakit lari dari</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|---|--|
| | Cabaran Akses ke Pintu Utama untuk Pengangkutan Pesakit | | hospital. Pintu utama hospital kerajaan ada fasiliti khas untuk ambulans. Jika merujuk kepada hospital, memang ada masalah untuk mencari tempat letak kederaan mahupun ambulans disebabkan kekurangan tapak. (Hanya ada 278 tapak meletak kenderaan di hospital swasta- Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh). |
| 3 | Permohonan untuk meluluskan pencen ilat menjadi cabaran kepada pesakit kanser | PERKESO sukar untuk meluluskan "pencen ilat". Proses untuk permohonan pencen ilat sangat mencabar kerana pihak PERKESO dan pegawai Kesihatan tidak dapat memberi kelulusan kepada pesakit-pesakit kanser. | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 4 | Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) yang rendah dianggap tidak bersesuaian | Majikan rasa terbeban untuk mengambil pekerja daripada golongan OKU disebabkan oleh perbezaan output kerja berbanding pekerja biasa. Dicadangkan bahawa penambahan elaun (insentif) kepada pekerja OKU/ majikan OKU dapat membantu meringankan beban majikan dalam menawarkan gaji yang setara seperti individu normal. | JKM Kinta/ Kampar: Elaun perkerja (RM450/bulan) dan tidak bekerja (RM300/bulan). Majikan juga diberikan insentif pengelakkan cukai dan beberapa kemudahan akan disediakan kepada majikan jika majikan mengambil komuniti OKU peluang pekerjaan. Namun, jika adanya tiada keseimbangan input dan output pekerja OKU, ini adalah luar kawalan pihak JKM tetapi insentif kerajaan suda ada untuk mengalakkan peluang pekerjaan kepada komuniti OKU. |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|---|---|
| 5 | Kekangan mendapatkan bantuan tambahan untuk isi rumah yang mempunyai lebih daripada seorang pesakit | Setiap satu alamat yang berdaftar hanya layak untuk mendapat satu bantuan sahaja. Perkara ini menyukarkan isi rumah yang mempunyai lebih daripada seorang pesakit yang warga emas. | JKM Kinta/Kampar: Ini adalah garis panduan yang dulu. Sekarang pihak Kementerian Wanita telah mengeluarkan garis panduan yang baru (telah diwujudkan semenjak 18 Disember 2024). Oleh itu, isu yang telah disuarakan tidak terikat lagi dengan garis panduan yang lama. |
| 6 | Kekurangan dan keperluan penambahbaikan fasiliti dan kemudahan infrastruktur awam | Infrastruktur dewan yang tidak memuaskan untuk menjalankan aktiviti setempat yang dirancang oleh pihak KRT. (spt dewan orang ramai) untuk dijadikan alat mengeratkan perpaduan kaum. Tiada kemudahan sukan di kawasan Bandar Sri Botani dan terdapat peralatan yang tidak diselenggara dengan baik. Selain itu, informan juga memohon agar disediakan gelanggang futsal untuk komuniti. | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 7 | Kekurangan sokongan peruntukan kerajaan dalam pergerakan persatuan ibu tunggal | Ketidalcukupan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan kepada Pertubuhan Kebangsaan Ibu Tunggal di Gopeng yang mewakili dan memperjuangkan kebajikan ibu tunggal. Dahulu, pertubuhan tersebut menerima peruntukkan setiap tahun namun kebelakangan ini, kurang mendapat peruntukkan. Kekangan peruntukkan | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|--|--|
| | | ini menyebabkan persatuan tersebut kurang bergiat aktif untuk mengadakan aktiviti. | |
| 9 | Kesukaran melakukan pembayaran digital seperti cashless/QR | Walaupun Malaysia sedang menuju ke arah digitalisasi dalam sistem pembayaran melalui penggunaan e-dompet, QR code dan kad debit/kredit, realitinya masih berdepan kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan kaedah ini khususnya warga emas yang | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 10 | Program KRT (Kawasan Rukun Tetangga) yang memerlukan perhatian dan penglibatan belia. | Program Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan salah satu inisiatif penting kerajaan dalam memperkukuhkan perpaduan komuniti, keselamatan kejiwaan, serta kesejahteraan sosial di peringkat akar umbi. Namun begitu, program ini kini memerlukan perhatian yang lebih serius daripada segi peruntukan kewangan dan penglibatan golongan belia. | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|--|---|
| FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal di Dewan KRT Taman Lembah Pantai Tarikh: 19 Januari 2025 Bilangan peserta: 16 Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan | | | |
| 1 | Ancaman haiwan liar di persekitaran kampung | Tanaman rosak akibat babi liar. Terdapat juga banyak anjing liar yang mengganggu ketenteraman penduduk. | Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. PERHILITAN 2. Pejabat Kesihatan Daerah Kinta 3. Pejabat Daerah Kampar 4. Pejabat Daerah Kinta |
| 2 | Kesukaran membuat pembayaran parking menggunakan perkhidmatan 'cashless' dan aplikasi | Warga emas merasakan sistem 'cashless' ini menyukarkan mereka untuk urusan pembelian barang-barangan. | <i>Ulasan seperti yang telah diberikan atas (FGD 2).</i> |
| 3 | Tidak menerima maklumat mengenai program perubatan Madani | Segelintir komuniti menerima maklumat mengenai program perubatan Madani daripada pihak Klinik Kesihatan Gopeng yang membuat program pameran dan pemeriksaan kesihatan. Namun program ini tidak sampai kepada penduduk Taman Lembah Permai sehingga mereka tidak diberi pendedahan mengenai inisiatif kerajaan ini. | PKD Kinta: Pegawai hanya mampu memberikan maklumat mengenai Daerah Kinta kerana program-program kesedaran perubatan di peringkat komuniti dijalankan meluas di daerah tersebut. |

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|--|--|---|--|
| <p>FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Peniaga-Peniaga Kecil, Penternak dan Pekebun di Laman Zulfaqar Kampung Changkat Larang</p> <p>Tarikh: 19 Januari 2025</p> <p>Bilangan peserta: 24</p> <p>Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan</p> | | | |
| 1 | Beban kos lesen pelbagai tapak perniagaan bagi peniaga pasar malam | Disebabkan pasar malam adalah sekali dalam seminggu, kebanyakan peniaga akan pergi melebihi satu kawasan pasar malam dalam seminggu menyebabkan berhadapan dengan kos membeli lesen yang lebih daripada satu tempat. Tambahan pula, harga lesen dan harga kutipan sampah adalah berlainan di tapak pasar malam. | <p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Majlis Daerah Kampar 2. Majlis Daerah Kinta 3. Jabatan Pertanian 4. Majlis Daerah Batu Gajah <p>Majlis Daerah Batu Gajah: Tiada perbezaan ketara dalam kadar yuran permohonan lesen. Secara amnya, yuran lesen adalah sekitar RM240 setahun, bersamaan RM20 sebulan bagi tapak di pasar malam. Yuran ini merangkumi kos pengurusan sampah serta perkhidmatan anggota penguat kuasa seperti RELA. Jumlah ini dianggap berpatutan dan selaras dengan kos operasi pihak pengurusan.</p> |
| 2 | Kenaikan kos sewa tapak Bazar Ramadhan membebaskan peniaga | <p>Padatahun 2020, tapak 10x10 dan khemah sendiri adalah RM450. Pada tahun 2021, sewa tapak dan khemah tepak adalah antara RM500 hingga RM600. Manakala, pada tahun2025, kos sewa tapak Bazar Ramadhan Pulau Jaya adalah RM600.</p> <p>Bagi sewa khemah kahwin adalah RM1,200 untuk saiz 10x20(kaki?), di mana satu tapak dan setengah khemah adalah RM800.</p> | <p>Majlis Daerah Batu Gajah: Kos tapak hanyalah RM125/bulan. Kos RM125/bulan ini termasuklah kos caj petak, permit bazaar dan proses pemohonan. Jika terdapat harga yang berlebihan, harga ini bukanlah di bawah kuasa PBT lagi. Kemungkinan ada pihak ketiga yang terlibat dalam isu tersebut.</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|--|--|
| | | Maka, peniaga kecil tidak mampu untuk menyertai perniagaan di Bazar Ramadhan kerana kos tapak terlalu mahal bagi tapak bersaiz 20x10 (kaki?) hampir mencecah RM2,000. | Nota* Pegawai Daerah Kampar memberi bayangan bahawa mungkin wujud pihak ketiga yang terlibat dalam pengurusan tapak dan mengenakan caj sewa tambahan yang lebih tinggi daripada kadar rasmi. Majlis Daerah Kampar: Berbanding dengan kadar sewa tapak bazar di kawasan lain, kos sewa yang dikenakan oleh Majlis Daerah Kampar masih dianggap berpatutan. Harga kos tapak sewaan adalah lingkungan RM180-RM550. |
| 3 | Persaingan perniagaan antara peniaga tempatan dan warga asing | Warga asing seperti warga Aceh dan Bangladesh yang membuka kedai di pasar malam telah memberi persaingan kepada peniaga tempatan. Hal ini berlaku kerana kurang penguatkuasaan daripada pihak atasan dan persatuan terlibat untuk menyekat warga asing daripada berniaga tanpa permit. | Majlis Daerah Kampar: Terdapat Operasi Bersepadu di mana pihak Majlis akan membuat pemantauan bersepadu bersama agensi-agensi lain. Kebiasaannya, pemutihan berlaku 2 kali setahun. Namun, kekerapan operasi berlaku juga bergantung kepada aduan. |
| 4 | Dilema peniaga dalam penentuan kos jualan dan untung yang rendah | Peniaga berasa bersalah kepada pembeli sekiranya menjual dengan harga mahal. Namun, kos modal yang tinggi ditanggung telah menyebabkan peniaga hanya mendapat keuntungan yang sedikit | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 5 | Faktor cuaca mempengaruhi | Terdapat musim seperti perayaan, angin monsun, hujan lebat menyebabkan harga ikan yang perlu | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|---|---|
| | <p>harga jualan ikan kepada peniaga ikan</p> <p>Tiada kawalan harga jualan ikan yang sering berubah mengikut keadaan cuaca</p> | <p>dibeli menjadi mahal. Tiada kawalan harga dilaporkan berlaku.</p> | |
| 6 | <p>Kos penanaman semula ladang kelapa sawit yang tinggi (Konflik status tanah)</p> | <p>Peladang sukar untuk melakukan penanaman semula untuk kebun seluas 19 ekar kerana status tanah ialah tanah pertanian.</p> <p>Ia menyukarkan peladang tersebut untuk mendapatkan sebarang bantuan atau kelulusan dari pihak bank.</p> | <p>Jabatan Pertanian:</p> <p>Dalam konteks undang-undang tanah di Malaysia, khususnya di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, status geran tanah yang bertujuan pertanian dengan syarat nyata untuk tanaman tertentu seperti getah atau kelapa sawit perlu dipatuhi.</p> |

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|--|---------------------------------|--|---|
| FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Belia Tarikh: 19 Januari 2025 Bilangan peserta: 16 Orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan | | | Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. PKD Kinta 2. Jabatan Pendidikan Daerah Kinta 3. Jabatan Penerangan 4. Pejabat Belia dan Sukan Daerah |
| 1 | Normalisasi budaya vape merokok | Belia menganggap budaya vape dan merokok sebagai penyelesaian masalah dan merupakan ikutan terkini zaman ini. Penjualan 'vape' pula begitu meluas dan mudah didapati baik di atas talian seperti Shopee atau di kedai dan pasar malam. | PKD Kinta: Pihak PKD Kinta mengakui ada persepsi sedemikian dalam kalangan belia, oleh itu mereka telah mengadakan program kesihatan dalam kalangan belia. Ini juga termasuk khidmat kaunseling di mana belia boleh pergi ke klinik bagi mendapatkan cara-cara untuk berhenti merokok. Pihak PKD juga berharap setiap permis makanan ditegaskan untuk meletakkan papan tanda jangan merokok atau 'vape'. Juga perlu ditegaskan bahawa kedai-kedai yang menjual 'vape' perlu diberi pantauan supaya tidak dijual kepada pelajar-pelajar. Namun demikian, jika terdapat penjualan dalam e-commerce seperti Shoppee, ini adalah luar bidang kuasa PKD. |
| | | | Pegawai Pendidikan Kinta: Terdapat penguatkuasaan dalam peringkat sekolah di mana guru-guru bekerjasama dengan AADK dan |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|--|---|
| | | | pihak polis dalam usaha pencegahan merokok dan vape dalam kalangan pelajar. |
| 2 | Maklumat terkini tidak sampai di kawasan luar bandar | Penyebaran maklumat dan informasi terkini bagi belia di luar bandar kurang dicapai. Terdapat juga kawasan kampung yang tidak mempunyai talian internet yang baik dan ada juga individu yang masih tidak mampu memiliki telefon bimbit persendirian. Komuniti luar bandar masih menggunakan media tradisional seperti surat khabar. | <p>Pegawai Penerangan: Maklumat-maklumat daripada pihak atasan dan mereka akan membuat hebahan ke kawasan tumpuan ramai. Walaupun terdapat usaha hebahan telah dibuat untuk program-program komuniti, namun sambutan amatlah tidak memberangsangkan. Pihak agensi juga bekerjasama dengan pihak berkepentingan di akar umbi seperti NGO setempat dan JPKK untuk penyebaran maklumat.</p> <p>Pegawai Pejabat Belia dan Sukan: Kebiasaanya, maklumat akan disebarkan melalui media sosial, whatsapp dll. Tetapi program-program yang dihebahkan juga bergantung kepada kecenderungan dan minat-minat belia sendiri.</p> |
| 3 | Kekurangan program kokurikulum bagi pelajar tingkatan 6 | Pelajar Tingkatan 6 memerlukan platform yang membolehkan mereka untuk membuat program sendiri bagi mengumpul merit untuk ke universiti. Pelaksanaan aktiviti pelajar mempunyai kekangan daripada segi dana. | <p>Pegawai Pendidikan Daerah: Pihak pegawai pendidikan akan menghebohkan program-program di peringkat sekolah. Namun, kadang-kadang pelajar Tingkatan 6 tidak dapat menyertai program disebabkan perperiksaan yang ada. Dari segi permakahan merit, pihak pejabat</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|--|---|
| | | | <p>pendidikan banyak menjalankan aktiviti dan pertandingan di mana pelajar-pelajar berpeluang untuk mendapatkan sijil dan pengiktirafan. Pihak pejabat pendidikan tekankan supaya pelajar Tingkatan 6 tidak hanyak mahir dalam pendidikan buku tetapi dari segi komuniti dan aktiviti luar juga demi proses mudah kemasukan universiti.</p> <p>Pegawai Pejabat Belia dan Sukan: Hebahan untuk aktiviti telah dibuat melalui surat kepada pihak PPD namun belia tidak dapat menyertai aktiviti disebabkan perperiksaan.</p> |
| 4 | Kursus/bidang pengajian di universiti tidak relevan dengan pasaran pekerjaan | Malaysia kini menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan terhadap pelajar yang mahir dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan teknologi digital, di mana penawaran program pengajian dalam bidang tersebut di institusi tempatan masih terhad. Situasi ini memaksa belia yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke luar negara, yang kemudiannya berisiko untuk tidak kembali bekerja di Malaysia, sekali gus menyebabkan negara kehilangan bakat tempatan yang diperlukan untuk memacu pembangunan teknologi masa depan. | <p>Pegawai Pejabat Belia dan Sukan: Isu yang dinyatakan adalah berdasarkan kecenderungan pelajar sendiri. Program-program peringkat tempatan ada kursus-kursus berkenaan. (Respon adalah sama seperti isu ke-4 yang dinyatakan di atas)</p> |

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|--|---|
| | <p>FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Orang Asli, suku etnik Temiar-Semai di Kampung Kerawat</p> <p>Tarikh: 20 Januari 2025</p> <p>Bilangan peserta: 12 Orang</p> <p>Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan</p> | | <p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. JAKOA 2. Pejabat Pendidikan Kinta Selatan 3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) 4. Pejabat Daerah Kampar 5. Jabatan Pertanian |
| 1 | Cabaran akses pendidikan terutamanya bagi peringkat sekolah menengah menyebabkan pelajar keciciran dalam pelajaran | Sekolah menengah terdekat untuk penduduk kampung ini adalah Sekolah Menengah Batu 8, Ulu Kinta yang terletak sejauh 40 minit hingga 1 jam perjalanan. Walaupun terdapat jalan yang menghubungkan ke sekolah tersebut, jarak perjalanan yang jauh menjadi cabaran utama, khususnya bagi ibu bapa yang bekerja, kerana mereka menghadapi kesukaran untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah dalam keadaan jadual kerja yang padat. | <p>Pegawai JAKOA:</p> <p>Pihak sekolah ada sediakan asrama untuk pelajar-pelajar orang asli. Malah diberikan elaun sebanyak RM4/hari. Bas juga disediakan untuk pelajar-pelajar pada musim cuti namun terdapatnya ibubapa OA lebih suka untuk menghantar anak sendiri.</p> <p>Pegawai Daerah Kampar:</p> <p>Sekolah asrama telah disediakan tetapi terdaapt ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak sendiri walaupun perjalanan yang agak jauh. Malah, pihak JAKOA telah sediakan van tetapi untuk ibu bapa yang lebih memilih untuk tidak menggunakan van tersebut atas alasan tertentu. Namun, ini adalah kes-kes yang terpencil.</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|---|--|
| | | | <p>Pegawai Pejabat Pendidikan Kinta Selatan: Diakui bahawa murid-murid Orang Asli menghadapi kesukaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah selepas tamat sekolah rendah, disebabkan oleh kekangan pengangkutan dan jarak yang jauh antara sekolah rendah dan sekolah menengah. Sehubungan itu, pihak agensi sedang mengambil inisiatif untuk menubuhkan sekolah K9 di sekolah kebangsaan sebagai langkah mengatasi isu ini.</p> |
| 2 | Masalah sosial di asrama mengurangkan keyakinan ibu bapa | <p>Masalah sosial yang dilaporkan adalah seperti menghidu gam, merokok, dan ponteng sekolah.</p> <p>Perubahan sosial ini menyebabkan ibu bapa tidak menggalakkan anak mereka untuk tinggal di asrama dan mengambil keputusan untuk berulang alik ke sekolah</p> | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 3 | Kurang capaian internet di perkampungan orang asli | <p>Capaian internet yang rendah menyebabkan ada yang tercicir dalam mata Pelajaran.</p> <p>Selain itu, mereka mudah tersisih dengan berita-berita/orang-orang luar.</p> | <p>Pegawai MCMC: Terdapat inisiatif NADI di mana tiang telekomunikasi telah dipasang. Cuma di beberapa kawasan masih belum operasi dan dalam tahap percubaan (<i>trial</i>).</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|---|---|
| 4 | Tiada geran pewartaan tanah orang asli | Masyarakat Orang Asli kini menetap di atas tanah rizab milik kerajaan negeri yang terdedah kepada risiko pemindahan apabila tanah tersebut diambil alih oleh pihak luar atau dicerobohi. Tanah ini bukan sekadar petempatan semata-mata, tetapi turut memainkan peranan penting sebagai sumber pertanian dan punca pendapatan yang berterusan, khususnya bagi menjamin kelangsungan hidup generasi akan datang. | Pegawai Daerah Kampar: Perkampungan Orang Asli ini telah diiktirafkan oleh JAKAO dan telah diwartakan. Terdapat tanah yang sudah dijadikan hak milik dan terdapat golongan orang asli yang tidak peka atau tahu mengenai status tanah tersebut. |
| 5 | Pencerobohan tanah untuk aktiviti perlombongan | Berlakunya pencerobohan tanah yang merupakan kawasan orang asli dan dibina kilang untuk barang keperluan seperti cat dan barang pergigian. (Tanah Putih) | Pegawai Daerah Kampar: Kilang tersebut terletak di bawah tanah hak milik. |
| 6 | Pendapatan Orang Asli yang tidak tetap kerana keberantungan kepada hasil hutan | Oleh kerana kebergantungan yang tinggi terhadap sumber alam sekitar seperti hutan dan sungai, penduduk tempatan berdepan kesukaran untuk memperoleh pendapatan yang stabil. Selain itu, sesetengah penduduk berpandangan bahawa prosedur birokrasi yang kompleks untuk mendapatkan kebenaran menjual atau mengambil hasil hutan turut menyukarkan usaha mereka menjana pendapatan daripada sumber tersebut. Ketidakstabilan pendapatan ini juga berpunca daripada penyusutan hasil hutan yang semakin ketara. | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|--|---|
| 7 | Keperluan sokongan kerajaan bagi merancang pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli. | Harapan agar pihak kerajaan dapat memberikan kelonggaran kepada masyarakat Orang Asli dalam beberapa perkara penting berkaitan kehidupan dan sumber pendapatan mereka. Mereka memohon agar masyarakat Orang Asli diberikan keutamaan dalam mendirikan gerai atau balai kraftangan tanpa perlu melalui kekangan birokrasi yang rumit. Peserta juga meluahkan rasa kecewa terhadap pelbagai sekatan yang dikenakan, seperti larangan mendirikan gerai atau mengutip hasil hutan kerana disangka mencerooboh kawasan hutan simpan. Prosedur permohonan yang terlalu rumit dan alasan yang diberikan seringkali dilihat sebagai penghalang kepada usaha mereka untuk mencari rezeki. | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 8 | Sumber air tercemar | Pencemaran berlaku disebabkan pembalakan dan air Sungai menjadi semakin tercemar. Terdapat juga di mana kilang yang membuat tanaman hidroponik telah menyebabkan sisa-sisa kimia tanaman tersebut disalurkan ke sungai. Ini telah menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit kulit dan kegatalan dalam kalangan penduduk terutamanya di Puncak Sungai Raya. | Pegawai Pertanian: Perlu meneliti semula kenyataan tersebut kerana dakwaan bahawa hidroponik mencemarkan, kerana ia bergantung kepada konsep pertanian yang diamalkan dan tidak semua tanaman hidroponik memberi kesan negatif. Pandangan tersebut mungkin datang daripada mereka yang berada di kawasan tanah tinggi yang terlibat dengan isu Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Tambahan pula, pengusaha |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----------------------|--|--|
| | | Ini juga mendatangkan kekurangan ikan di sungai tersebut di mana ianya merupakan sumber makanan bagi komuniti orang asli. | kilang berkaitan telah melalui proses EIA dan mematuhi piawaian yang ditetapkan. |
| 9 | Gangguan hidupan liar | <p>Penduduk menghadapi gangguan hidupan liar seperti monyet, kera dan beruk.</p> <p>Hidupan liar ini tidak takut akan serangan penduduk seperti mercun. Oleh itu, penduduk kampung hanya memilih untuk membiarkan sahaja hasil dusun diganggu.</p> <p>Penduduk OA kini berdepan dengan ancaman hidupan liar yang lebih ketara berbanding dahulu, di mana gangguan sebegini jarang berlaku sebelum ini.</p> | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|--|
| <p>FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Orang Asli, suku etnik Semai di Kampung Ulu Geroh</p> <p>Tarikh: 20 Januari 2025</p> <p>Bilangan peserta: 16 Orang</p> <p>Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan</p> | | | |
| 1 | Kemiskinan haid | Kos tuala wanita yang dijual di pasaran adalah mahal dan membebankan penduduk wanita. | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |
| 2 | Tiada bantuan pendidikan untuk anak-anak Orang Asli (OA) mengakibatkan keciciran pendidikan | Kesukaran untuk membayar yuran sekolah, membeli barang keperluan sekolah seperti buku dan pakaian sekolah kepada pelajar yang ingin ke sekolah. Lantaran itu memilih untuk tidak pergi ke sekolah. | JAKOA: Pihak sekolah akan menuntut bantuan tersebut dan ibubapa boleh merujuk kepada pihak sekolah. |
| 3 | Kekerapan bencana tanah runtuh mengganggu akses ke Kampung Ulu Geroh | Bencana tanah runtuh yang kerap berlaku di kawasan laluan utama menuju ke kampung, sehingga menyekat pergerakan penduduk untuk keluar masuk dari kampung tersebut. Keadaan ini turut diperburuk dengan kejadian pokok tumbang yang menambahkan lagi cabaran terhadap keselamatan dan kelancaran laluan utama tersebut. | Pegawai Daerah Kampar: Tindakan agensi telah dibuat termasuklah lawatan tapak dan laporan telah dibuat. Pihak Pejabat Daerah dalam proses pemohonan bajet untuk baiki jalan tersebut. Namun sebagai Solusi jangka pendek, canvas telah digunakan untuk mengurangkan rekahan lereng-lereng bukit/hakisan tanah. |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|----------------------------|---|--|
| 4 | Kos sara hidup yang tinggi | Isu ini banyak diadukan oleh ibubapa orang asli di mana mereka menyatakan amat sukar menampung isi rumah dengan kos hidup yang semakin meningkat. | <i>Tiada ulasan daripada agensi kerajaan</i> |

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 10

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|--|---|--|---|
| FGD 10: Dialog Bersama Komuniti Operator Eko-Pelancongan Tarikh: 20 Januari 2025 Bilangan peserta: 10 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan | | | Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Majlis Daerah Kampar 2. Pejabat Daerah Kampar dan Tanah Kampar (Unit Pembangunan Luar Bandar) 3. Pejabat Daerah Kampar dan Tanah |
| 1 | Harga lesen eko-pelancongan yang tinggi membebankan pengusaha pelancongan kecil-kecilan | <p>Harga perlesenan yang tinggi sehingga mencecah RM17,000 dan dianggap membebankan kumpulan ini terutamanya kepada peniaga-peniaga kecil.</p> <p>Terdapat juga permintaan untuk pemutihan ini dilanjutkan sehingga ke hujung tahun 2025</p> | <p>Majlis Daerah Kampar: Pihak Majlis hanya akan mengenakan harga lessen pembangunan. Pihak Majlis tidak akan mengenakan harga yang terlampau tinggi untuk pembangunan sektor eko-pelancongan tempatan. Harga yang diusulkan mungkin kos konsultan/arkitek yang telah dikenakan pada operator oleh pihak ketiga/bukan agensi kerajaan.</p> <p>Pegawai Daerah Kampar: Caj harga homestay yang dibangunkan (lesen) juga bergantung kepada aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan.</p> |
| 2 | Kekurangan penjanaan elektrik dan air untuk menampung permintaan | Terdapat isu kekurangan bekalan elektrik dan air bersih untuk memenuhi keperluan industri ekopelancongan, yang memberi kesan langsung kepada operasi para pengusaha resort dan kualiti pengalaman pelancong. | <p>Pegawai Daerah Kampar: Pihak TNB memaklumkan bahawa kawasan hotspot eko-pelancongan tersebut hanya dapat menampung bekalan elektrik untuk penempatan</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|---|---|
| | daripada industri eko pelancongan | Selain itu, bekalan elektrik sedia ada yang digunakan dilaporkan tidak mencukupi untuk menampung keperluan apabila resort menerima jumlah pelancong yang tinggi, sekali gus menjejaskan kelancaran operasi harian. | sahaja, bukan untuk tujuan eko-pelancongan yang memerlukan penjanaan yang lebih tinggi. |
| 3 | Risiko pencemaran sumber air semula jadi | Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air bersih, pengusaha mengambil inisiatif menggunakan sumber air bukit sebagai alternatif. Namun, terdapat kebimbangan terhadap kualiti air bukit yang dianggap tidak bersih dan berisiko tercemar dengan penyakit seperti <i>leptospirosis</i> (kencing tikus), selain kerap berwarna keruh apabila fenomena kepala air berlaku. | Pegawai Daerah Kampar: Kerajaan Negeri Perak akan mengeluarkan satu garis panduan berkaitan Eko Pelancongan Sihat dan Selamat yang memberi tumpuan khusus kepada aspek kesihatan awam. Ini susulan isu tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan operator pelancongan, termasuk kes jangkitan kencing tikus yang telah berlaku di kawasan eko-pelancongan. Antara masalah yang dikenal pasti ialah pelepasan sisa makanan dan tangki septik terus ke sungai, yang menjejaskan kebersihan dan keselamatan pengunjung. Oleh itu, garis panduan ini dilihat penting dan perlu disusuli dengan penguatkuasaan yang berkesan. |
| 4 | Tiada pemantauan mengenai harga servis yang ditawarkan operator | Berlakunya persaingan antara operator perniagaan dalam memberikan harga aktiviti. Terdapat operator yang memberi harga yang murah untuk menarik pelanggan tanpa kualiti dan servis yang baik. | Pegawai Daerah Kampar: Proses pemutihan bagi kawasan eko-pelancongan dan penginapan masih berada dalam keadaan terkawal menerusi tindakan yang sedang dijalankan. Namun begitu, aktiviti-aktiviti yang ditawarkan oleh |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|--|---|
| | Persaingan harga aktiviti antara operator peniaga | | para operator masih sukar untuk dipantau, sekali gus menimbulkan isu berkaitan keselamatan dan risiko kepada pengunjung sekiranya berlaku sebarang insiden. Buat masa ini, tiada kementerian atau agensi kerajaan yang mempunyai bidang kuasa khusus untuk memantau harga perkhidmatan yang ditetapkan oleh operator-operator ini. Di peringkat Daerah Kampar, garis panduan operasi eko-pelancongan sedang dirangka, namun perlu ditekankan bahawa dokumen tersebut hanyalah bersifat panduan dan bukan peraturan yang mengikat. |
| 5 | Pembuangan sampah sarap ke dalam sungai mengganggu persekitaran eko-pelancongan | Ketiadaan tong sampah yang mencukupi di kawasan tersebut mengakibatkan pelawat tidak mempunyai kemudahan untuk membuang sampah dengan betul, sehingga mendorong mereka untuk membuang sampah secara bersepah atau terus ke dalam Sungai. Keadaan persekitaran yang tidak bersih menyebabkan pengunjung/ pelancong berasa tidak selesa malah mencemarkan kecantikan alam sekitar. | Pegawai Daerah Kampar: Kadang-kadang isu ini boleh dikaitkan dengan sifat pembuangan sampah Masyarakat sendiri (terutamanya orang luar yang datang ke kawasan Gopeng) di mana kurang kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar. Selain daripada itu, terdapat kekangan untuk agensi tempatan untuk memperkuatkuasakan peletakkan tong sampah di kawasan tersebut disebabkan segelintir kawasan sudah mempunyai geran hak milik tanah. |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|---|---|--|
| 6 | Bencana tanah runtuh mengganggu aktiviti eko-pelancongan. | Keadaan ini turut diperburuk dengan kejadian pokok tumbang yang menambahkan lagi cabaran terhadap keselamatan dan kelancaran laluan (jalan) utama tersebut dan telah mengganggu tarikan eko-pelancongan | <p>Pegawai Majlis Kampar: Kawasan-kawasan yang dinyatakan adalah jalan kebanyakannya untuk tujuan eko-pelancongan. Jalan yang untuk tujuan eko-pelancongan yang kebanyakannya adalah di bawah tanah milik. Oleh itu, sukar untuk pihak majlis untuk memperbaiki jalan tersebut kerana sudah di luar bidang kuasa pihak agensi.</p> <p>Pegawai Unit PLB Daerah dan Tanah Kampar: Kadang-kadang, lori yang seberat 5 tan akan masuk ke jalan kampung mengguna jalan tersebut sedangkan jalan tidak mampu menampung berat yang banyak. Maka, inimenyebabkan kerosakan yang dinyatakan.</p> <p>Pegawai Daerah Kampar: Selepas COVID-19, kebanyakan penduduk di kawasan tersebut ceburi dalam bidang eko-pelancongan dan tumbuhnya resort, homestay, aktiviti-aktiviti eko-pelancongan di kawasan tersebut. Sejurus itu, kebanyakan jalan tersebut di bawah tanah hak milik, oleh itu, amat sukar untuk pihak pegawai tempatan untuk membuat</p> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|--|--|---|
| | | | penambah baik atau membuat pelan jalan baru. Untuk pengetahuan juga, setiap tahun, pihak DO telah banyak membelanjakan wang untuk penambahbaikan akses jalan kepada penduduk (RM400 ribu pada tahun 2023, RM500 ribu pada tahun 2024 dan kini pihak DO hantar kertas kerja untuk RM600 ribu untuk tahun 2025). Pihak Daerah ada Solusi jangka panjang untuk meneroka jalan alternatif lain. |
| 7 | Kebatasan kelayakan penerimaan geran dan bantuan pelancongan daripada MOTAC bagi operator tidak berlesen | <p>Operator yang tidak mempunyai lesen tidak dapat memohon geran dan bantuan pelancongan daripada pihak kerajaan seperti MOTAC</p> <p>Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan kemudahan dalam proses pelesenan, agar lebih banyak operator dapat memenuhi syarat dan mendapat akses kepada sokongan kerajaan yang diperlukan.</p> | <p>Pegawai Daerah Kampar: Berbalik disebabkan perlunya pemutihan berlaku.</p> |

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan peluang kemahiran dan platform untuk menjana pendapatan bagi ibu tunggal dan suri rumah

Pengutamaan isu pertama adalah pemeraksanaan ekonomi komuniti ibu tunggal dan suri rumah dari segi memberi peluang kemahiran dan platform untuk mengasuh anak-anak. Ramai suri rumah mempunyai potensi untuk menyumbang kepada ekonomi, tetapi mereka menghadapi keterbatasan dalam mendapatkan latihan kemahiran, akses kepada modal, dan platform pemasaran seperti yang telah diterokai dalam FGD 2, 4 & 6. Dalam konteks ekonomi Gopeng yang semakin berkembang dengan lebih ramai penduduk bekerja, keperluan terhadap perkhidmatan pengasuhan anak semakin meningkat. Oleh itu, mewujudkan platform yang sesuai untuk menyediakan latihan dan peluang dalam bidang pengasuhan anak adalah penting.

Inisiatif ini dapat membantu suri rumah dan ibu tunggal menjana pendapatan melalui ekonomi informal, sama ada sebagai pengasuh berdaftar, penyedia perkhidmatan taska di rumah, atau tenaga kerja di pusat jagaan kanak-kanak. Dengan sokongan latihan kemahiran, bantuan modal, dan akses kepada pasaran, golongan ini dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka sambil memenuhi permintaan masyarakat terhadap perkhidmatan penjagaan anak yang berkualiti. Langkah-langkah ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan ekonomi keluarga tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif.

Jadual 13. Ringkasan Isu

| | |
|--|--|
| Permasalahan berkaitan dengan Isu | Kekurangan peluang kemahiran dan platform untuk menjana pendapatan bagi ibu tunggal dan suri rumah |
| Cadangan | Memberi peluang kemahiran dan platform untuk mengasuh anak-anak bagi peluang ibu Tunggal menjana pendapatan. |
| Kumpulan Terjejas | Ibu tunggal dan suri rumah |
| Kawasan | Taman Chandan Desa, Taman Lembah Pantai, Kampung Tersusun |
| SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA | |
| SDG yang berkaitan | Sasaran SDG Berkaitan |
| SDG 1: Tiada Kemiskinan | Sasaran 1.4: Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, |

| | |
|---|--|
| | mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. |
| SDG 5: Kesaksamaan Jantina | Sasaran 5.5: Memastikan penyertaan penuh dan berkesan serta peluang yang sama untuk wanita dalam semua peringkat kepimpinan dalam kehidupan politik, ekonomi, dan awam. |
| SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi | Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan aktiviti ekonomi yang inklusif, produktif, dan inovatif termasuk keusahawanan serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan memudahkan akses kepada kewangan. |

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Keterbatasan Peluang Ekonomi Untuk Komuniti Orang Asli

Pendapatan isi rumah komuniti Orang Asli, khususnya di Kampung Ulu Geroh, masih berada pada tahap rendah dan bergantung kepada hasil hutan serta kerja sambilan di luar kawasan. Meskipun kampung ini kaya dengan biodiversiti dan keunikan budaya, potensinya masih belum dimajukan secara lestari. Ketiadaan struktur pelancongan komuniti yang terancang telah menyebabkan manfaat daripada aktiviti pelancongan tidak dinikmati secara langsung oleh penduduk setempat.

Sehubungan itu, beberapa inisiatif strategik perlu diberi keutamaan bagi memperkasa pembangunan komuniti ini. Antaranya termasuklah peningkatan infrastruktur asas, pendidikan dan kesedaran masyarakat, pembangunan ekonomi komuniti yang inklusif, pemeliharaan warisan budaya dan adat, serta sokongan terhadap pelaksanaan ekopelancongan komuniti secara mampan dan berimpak.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

| | |
|--|--|
| Permasalahan berkaitan dengan Isu | Pendapatan isi rumah komuniti Orang Asli yang masih dalam tahap yang rendah |
| Cadangan | Pemeriksaan sosioekonomi komuniti orang asli melalui 3 inisiatif: <ul style="list-style-type: none"> a) Pembangunan Infrastruktur Pelancongan- Menaik taraf kemudahan sedia ada seperti chalet, pusat informasi, dan papan tanda pelancongan. |

| | <p>b) Latihan dan Pembangunan Kapasiti Komuniti- Melaksanakan bengkel latihan berkaitan pemanduan pelancongan, keusahawanan sosial, dan interpretasi budaya tempatan.</p> <p>c) Pemantauan dan Penilaian Projek- Melaksanakan pemantauan secara berkala bagi menilai kemajuan pelaksanaan.</p> |
|--|--|
| Kumpulan Terjejas | Komuniti Orang Asli |
| Kawasan | Kampung Ulu Geroh |
| SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA | |
| SDG yang berkaitan | Sasaran SDG Berkaitan |
| SDG 1: Tiada Kemiskinan | Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh bahagian lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi mengikut definisi kebangsaan. |
| SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi | Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan. |
| SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Lestari | Sasaran 11.4: Mengukuhkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia. |

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kurang Peluang Pekerjaan untuk Belia Gopeng

Belia di Gopeng berdepan dengan cabaran keciciran pendidikan, dan kurangnya pendedahan terhadap peluang kerjaya. Pemetaan isu juga menerangkan bahawa terdapat jurang akses kepada maklumat mengenai aktiviti/ pengajian/ kursus yang ditawarkan kepada belia. Oleh itu, ini menunjukkan ketiadaan ruang inklusif dan bimbingan menyebabkan ramai belia hilang arah tuju, kurang bermotivasi dan aktif serta berisiko terjebak dengan masalah sosial.

Oleh itu, terdapat inisiatif oleh organisasi belia di Gopeng untuk mewujudkan program untuk menangani jurang tersebut dengan menyediakan latihan kemahiran, pembangunan kepimpinan dan akses kepada peluang ekonomi serta pendidikan. Ia akan

menjadi pemangkin kepada lahirnya belia berdaya saing dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi di Gopeng.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

| | |
|--|---|
| Permasalahan berkaitan dengan Isu | Kekurangan Peluang Pekerjaan dalam kalangan belia di Gopeng |
| Cadangan | Program latihan kemahiran dan kepimpinan dalam golongan belia |
| Kumpulan Terjejas | Komuniti belia |
| Kawasan | DUN Sungai Rapat, Daerah Kinta, Pekan Ipoh |
| SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA | |
| SDG yang berkaitan | Sasaran SDG Berkaitan |
| SDG 4: Pendidikan Berkualiti | Sasaran 4.4 : Menjelang 2030, tingkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang mempunyai Kemahiran yang berkaitan termasuk Kemahiran teknikal dan vokasional bagi pemerolehan pekerjaan, pekerjaan layak dan keusahawanan. |
| SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Mampan | Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara bahagian belia yang tidak dalam pekerjaan, Pendidikan dan Latihan. |
| SDG 11: Bandar dan Masyarakat yang Mampan | Sasaran 11.3 Meningkatkan perbandaran dan kapasiti untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang inklusif, mampan dan berterusan di semua negara menjelang 2030. |

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

| | PROJEK 1 | PROJEK 2 | PROJEK 3 |
|-----------------------|--|--|---|
| Tajuk Projek | Gopeng Youth Empowerment Program | Kursus Asuhan Taska Dirumah [Projek Ibu Tunggal] | Projek Pemerksaan Komuniti Orang Asli Melalui Pembangunan Eko Pelancongan |
| SDG Berkaitan | SDG 1,4,8 | SDG 1, 5 & 8 | SDG 1,8,11 |
| Objektif | <ul style="list-style-type: none"> memastikan golongan muda diberi pendedahan, peluang serta ruang untuk terlibat secara aktif dalam pembangunan diri, sahsiah dan kepimpinan, sekali gus membina jati diri belia yang berwibawa dan berdaya saing. | <ul style="list-style-type: none"> menyediakan peluang pekerjaan yang lebih fleksible dan membolehkan golongan suri rumah untuk bekerja dari rumah (work from home). | <ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan sosio-ekonomi komuniti orang asli melalui pembangunan infrastruktur dan latihan untuk tujuan eko-pelancongan setempat. |
| Hasil Jangkaan | <ul style="list-style-type: none"> GPMS Cawangan Ipoh berpengalaman luas dalam menganjurkan program pembangunan belia, antaranya Klinik Kerjaya, yang bertujuan membimbing belia dalam aspek kerjaya, kemahiran dan pembangunan diri. Program ini melibatkan pengurusan menyeluruh | <ul style="list-style-type: none"> Pemberian kursus asuhan taska dirumah dilihat berpotensi menjadi medan terbaik untuk menyediakan platform dan wadah kepada golongan rentan ini dalam mencari sumber pendapatan tanpa perlu berfikir berkenaan keselamatan anak | <ul style="list-style-type: none"> Pendapatan isi rumah komuniti orang asli khususnya di Kamoung Ulu Geroh ini masih rendah dan bergantung kepada hasil hutan dan kerja sambilan luar. Kampung Ulu Geroh kaya dengan biodiversity dan keunikan budaya, tetapi |

| | PROJEK 1 | PROJEK 2 | PROJEK 3 |
|--|---|--|--|
| | termasuk perancangan, penyelarasan aktiviti dan pelantikan jurulatih berpengalaman. | di bawah pusat jagaan swasta mahupun Kerajaan. | <p>belum dimajukan secara lestari.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan struktur pelancongan komuniti yang tersusun menyebabkan manfaat pelancongan tidak mengalir kepada penduduk kampung. • Justeru, pada awalnya satu sesi libat urus komuniti telah dijalankan bagi mengumpul data mengenai sosioekonomi, kemahiran sedia ada dan keperluan latihan. • Maklumat yang diperoleh melalui pendekatan ini menjadi asas kukuh kepada reka bentuk projek yang responsive, inklusif dan berfokus kepada penyelesaian jangka panjang. |

| | PROJEK 1 | PROJEK 2 | PROJEK 3 |
|-------------------|---|--|--|
| Organisasi | Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Cawangan Ipoh | Pertubuhan Perkasa Martabat Watan (Pemawa) | Komuniti Madani Ulu Geroh |
| Aktiviti | <ul style="list-style-type: none"> Projek ini akan melibatkan 30 orang belia Gopeng yang akan mengikuti dua kursus kemahiran utama: Content Creator dan Makeup Artist. Setiap peserta akan mengikuti latihan intensif selama 12 hari yang merangkumi modul teori dan praktikal, bimbingan mentor industri, serta sesi penilaian hasil kerja. Input projek termasuk penyediaan tenaga pengajar profesional, peralatan latihan (kamera, tripod, mekap kit), bahan kursus dan lokasi latihan. Peserta juga akan dibimbing untuk menghasilkan portfolio masing-masing serta dipersiapkan untuk menjana pendapatan melalui platform | <ul style="list-style-type: none"> Matlamat projek ini yang memfokuskan kepada pemberdayaan komuniti ibu tunggal khususnya dari aspek ekonomi sendiri telah banyak membantu puluhan ibu tunggal di kawasan lain untuk bangkit dan membina keyakinan bagi memulakan kehidupan baru yang lebih Sejahtera. Cik Hanani juga aktif dalam penganjuran program-program pemerksaan wanita untuk menggarap kepimpinan serta kemampuan individu. | <ul style="list-style-type: none"> Peningkatan infrastruktur asas, Pendidikan dan kesedaran, Pembangunan ekonomi komuniti, pemeliharaan budaya dan adat serta sokongan eko pelancongan komuniti. Penglibatan ini mencerminkan komitmen dalam memperkasa komuniti Orang Asli secara menyeluruh sejajar dengan prinsip inklusif dan Pembangunan Lestari. |

| | PROJEK 1 | PROJEK 2 | PROJEK 3 |
|--------------------|---|---|-------------------|
| | <p>digital atau perkhidmatan sendiri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Output utama ialah 30 peserta yang berkemahiran asas dalam bidang terpilih, 10 video kandungan digital dihasilkan, 10 makeover professional dilakukan, dan sekurang-kurangnya 5 peserta berjaya menjana pendapatan pertama dalam tempoh sebulan selepas tamat kursus. | | |
| Jumlah (RM) | RM 40,000.00 | RM 40,000.00 | RM 40,000.00 |
| Lokasi | Daerah Kinta, DUN Sungai Rapat | DUN Teja, Simpang Pulai, Sungai Rapat, Daerah Kinta | Kampung Ulu Geroh |
| Tempoh | 12 minggu | 12 minggu | 12 minggu |

6.0 RUJUKAN

- Ali, A. R. (17 November, 2024). MB Perak beri peringatan ada lagi gelombang banjir akan berlaku. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mb-perak-beri-peringatan-ada-lagi-gelombang-banjir-akan-berlaku-492175>
- Ariffin, N. (2011). Sejarah Perlombongan Bijih Timah di Gopeng, Perak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- BERNAMA. (1 Disember , 2023). Lebih 300 kanak-kanak Orang Asli berjaya dipujuk untuk bersekolah. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-300-kanakkanak-orang-asli-berjaya-dipujuk-untuk-bersekolah-448208>
- BERNAMA. (Oktober , 2024). Warga emas di Malaysia dipastikan meniti usia dengan bermaruah. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1305312/warga-emas-di-malaysia-dipastikan-meniti-usia-dengan-bermaruah>
- Department of Statistics Malaysia. (30 Aug, 2023). OpenDOSM. Retrieved March, 2025, from KawasanKu: <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.071%20Gopeng>
- Gopeng topographic map. (1 March, 2025). Retrieved from topographic map: https://en-zm.topographic-map.com/map-v7bcm2/Gopeng/?utm_source=chatgpt.com
- Gunawan, H. (9 Oktober, 2024). Anggur premium tumbuh di negara 4 musim hidup subur di Gopeng. Retrieved from Majoriti: <https://majoriti.com.my/berita/2024/10/09/anggur-premium-tumbuh-di-negara-4-musim-hidup-subur-di-gopeng>
- Hing, T. K. (1 Disember, 2024). "[Status Update],[Video]". Retrieved from Facebook: <https://www.facebook.com/tankarhingBM/videos/pasukan-kami-telah-melawat-beberapa-kawasan-di-parlimen-gopeng-yang-terkesan-aki/1594360084795265/>
- Ibrahim, M. H., Jahi, J. M., Hadi, A. S., & Ariffin, K. (2011). Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi. International Journal of the Malay World and Civilisation, 29(2), 149-166.

Jabatan Pendaftaran Negara. (n.d.). JPN Gopeng. Retrieved from JPN Website: https://jpn.com.my/jpn_offices/Gopeng.htm

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak. (14 Julai, 2022). A visit to the flash flood area around DUN Sungai Rapat. Retrieved from Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak: <https://jps.perak.gov.my/index.php/en/?view=article&id=1096>

Jeevendran, K. (11 November , 2022). Dr. Wayne rancang jana peluang pekerjaan di Simpang Pulai, elak belia berhijrah. Retrieved from Malaysia Gazette: <https://malaysiagazette.com/2022/11/11/dr-wayne-rancang-jana-peluang-pekerjaan-di-simpang-pulai-elak-belia-berhijrah/>

Majlis Daerah Kampar. (n.d.). Paip Besar Gopeng. Retrieved from Portal Rasmi Majlis Daerah Kampar: <https://www.mdkampar.gov.my/index.php/en/?view=article&id=367&catid=27>

Samat, H. A., Rasyid, N. M., Khan, T. K., Aziz, M. A., Hashim, M., & Basal, H. (2020). Perceived Risk and Perceived Competence in White Water Rafting Activity at Kampar River, Gopeng, Perak. *Enhancing Health and Sports Performance by Design: Proceedings of the 2019 Movement, Health & Exercise (MoHE) and International Sports Science Conference (ISSC)* (pp. 519-527). Singapore: Springer.

Soo, G. (8 April, 2024). Discover Gopeng'S natural beauty: Perak is now an ecotourism spot. Retrieved from TheStar: <https://www.thestar.com.my/lifestyle/travel/2024/04/08/discovering-gopeng039s-natural-beauty>

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (9 October, 2022). Daftar Pemilih Terkini Sehingga DPT Bulan Ogos 2022 Pilihan Raya Umum Ke-15. Retrieved from http://sprinfo.spr.gov.my/spr/MAKLUMAT%20ASAS/STATISTIK%20PRU%20KE_15%20UMUR%20BY_DUN.pdf




APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMAPAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>